



# buletin **Mutiara**

[www.buletinmutiara.com](http://www.buletinmutiara.com)

**PERCUMA**



**1 – 15 JULAI 2014**



<http://www.facebook.com/buletinmutiara>  
<http://www.facebook.com/cmlimguaneng>

# Banjir kilat 30 tahun Taman Siakap bakal berakhir

Teks & Gambar : **AHMAD ADIL  
MUHAMAD**

**SEBERANG JAYA** - Kegelisahan penduduk Taman Siakap di sini yang sejak 30 tahun lalu berhadapan dengan masalah banjir kilat bakal berakhir ekoran pengumuman Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) berhubung inisiatif menaiktaraf sistem saliran di taman tersebut di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin berkata, projek naiktaraf membabitkan peruntukan RM2 juta itu diluluskan Jawatankuasa Tebatan Banjir melalui inisiatif peruntukan Wang Caruman Perparitan.

Jelasnya yang juga Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, kawasan taman perumahan tersebut sering dilanda banjir kilat lebih daripada 30 tahun berpunca daripada sistem perparitan sedia ada yang tidak sempurna.

"Taman Siakap merupakan kawasan perumahan di Seberang Jaya yang paling kerap dilanda banjir kilat membabitkan 100 rumah.

"Situasi ini amat menyusahkan penduduk terutamanya di kawasan Tingkat Siakap 9, Tingkat Siakap 11 dan Lorong Siakap 12," ucapnya pada Majlis Pecah Tanah Projek Naiktaraf Sistem Saliran Taman Siakap di sini baru-baru ini.

Turut serta, Setiausaha Perbandaran MPSP, Sr. Rozali Mohamud dan tiga Ahli

Majlis MPSP, Ahmad Tarmizi Abdullah, Abdul Jalil Che Ros dan Tan Cheong Heng.

Pengumuman tersebut adalah susulan hasil lawatan kerja Afif, MPSP dan pihak-pihak terbabit Julai tahun lalu bagi mengatasi masalah banjir kilat yang sering berlaku di sini.

Tambah Afif, susulan itu, MPSP telah memohon peruntukan melalui Wang Caruman Perparitan sebanyak RM2 juta bagi menaiktaraf sistem sedia ada dan membina kolam takungan banjir berkapasiti 8500m<sup>3</sup>.

"Saya selaku ADUN baru di kawasan ini berharap dapat mengatasi masalah ini untuk sekian kalinya bagi meningkatkan kualiti kehidupan dan memastikan keselesaan penduduk Taman Siakap," nyata beliau.

Menurut Afif, Jawatankuasa Tebatan Banjir telah meluluskan peruntukan tersebut kepada MPSP bagi melaksanakan projek naiktaraf yang dijangka siap sepenuhnya pada 19 Januari 2015.

"Jawatankuasa Lembaga Perolehan Negeri Pulau Pinang telah bermesyuarat dan melantik kontraktor yang berjaya iaitu HRJ Profil Sdn. Bhd.

"Tempoh masa untuk menyiapkan projek ini adalah selama sembilan bulan dan ia telah pun bermula pada 6 Mei baru-baru ini," ujar beliau.

Dalam pada itu, Rozali berkata, MPSP telah merangka projek-projek mitigasi banjir di kawasan *hotspot* sekitar Seberang Perai.

"Kawalan banjir adalah agenda ke-



DR. Afif Bahardin (atas jentolak, tengah) menyempurnakan gimik pelancaran Majlis Pecah Tanah Projek Naiktaraf Sistem Saliran Taman Siakap sambil ditemani Sr. Rozali Mohamud (atas jentolak, kanan sekali) di sini baru-baru ini.

empat di dalam Fokus MPSP 2014.

"Antara projek-projek yang dirangka adalah cadangan menaiktaraf sistem perparitan di Lengkok Tenggiri, Seberang Jaya dan Taman Kerjasama, Bukit Tengah serta pemasangan pintu air di parit monsun Taman Bagan," jelas beliau.

Kata Rozali, sikap segelintir masyarakat yang membuang sampah merata-rata adalah antara punca berlakunya kejadian banjir kilat.

## **Bonus Aidilfitri**

PENJAWAT awam negeri Pulau Pinang menerima berita gembira apabila Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mengumumkan pemberian bonus setengah bulan gaji dengan minimum RM600 sempena Aidilfitri tahun ini.

Bayaran bonus tersebut akan dibuat sebelum hari raya nanti.

\*Perincian penuh, dapatkan Buletin Mutiara keluaran akan datang.



"Di kesempatan ini, saya ingin menyeru agar penduduk di sini dapat bersama-sama MPSP membantu menjaga kawasan sekitar terutamanya saliran longkang dan parit supaya tidak tersumbat," seru beliau.

Rozali menambah, apabila sampah dibuang sesuka hati ke dalam saliran air, maka kecenderungan untuk tersumbat sehingga menyebabkan banjir kilat adalah lebih tinggi.

# Masjid Jamek Batu Maung baharu selesa, tampung 1,500 jemaah

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**BATU MAUNG** – Sejumlah RM3.7 juta diperuntukan bagi membina semula Masjid Jamek Batu Maung di atas sebahagian Lot 1537, dekat sini.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim berkata, sejumlah RM3 juta diperuntukan Kerajaan Negeri manakala bakinya adalah hasil derma orang ramai.

Abdul Malik yang juga merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung berkata demikian ketika hadir pada Majlis Perasmian Majlis Pecah Tanah Pembinaan Masjid Baru di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin.

Menurut Abdul Malik, cadangan pembinaan semula masjid tersebut adalah rentetan usul diketengahkan Ahli Jawatankuasa (AJK) Qaryah Masjid iaitu keperluan ruang yang lebih besar bagi menampung jumlah jemaah di kawasan tersebut.

"Setiap minggu ketika solat Jumaat, lebih daripada 100 jemaah terpaksa mendirikan solat di bangunan luar masjid sama ada atas tanah atau jalan tar, susur masuk ke masjid."

"Apabila masjid ini siap kelak, ia

boleh menampung sehingga 1,500 jemaah dalam satu-satu masa dan turut dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan asas seperti ruang solat utama, ruang solat terbuka, mimbar dan mehrab serta tempat berwuduk yang selesa," katanya ketika berucap di sini baru-baru ini.

Tambahnya, keperluan untuk menggantikan masjid lama yang telah berusia hampir 100 tahun itu adalah wajar memandangkan struktur kayu yang telah dimakan anai-anai dan sebahagian bumbung masjid yang bocor dan berkarat.

Dalam pada itu, pembinaan masjid baru tersebut turut mendapat pelbagai reaksi positif dalam kalangan masyarakat setempat khususnya yang beragama Islam.

Pengerusi Qaryah Masjid, Yusuff Osman, ketika ditemui berkata, pembinaan masjid baru itu membuktikan usaha kerajaan menyediakan rumah ibadat selesa kepada penduduk yang majoritinya beragama Islam.

"Masjid sedia ada sesak dan tidak mampu lagi menampung jumlah jemaah yang ramai. Alhamdulillah, dengan adanya masjid baru kelak, ia bakal menjadi institusi membina perpaduan masyarakat Islam di Batu Maung ini," kata beliau kepada Buletin Mutiara.

Kerja-kerja perobohan dan pembinaan semula Masjid Jamek Batu Maung telah berkuatkuasa pada 2 Jun lalu dan dijangka siap sepenuhnya menjelang Mei 2016.



ILUSTRASI Masjid Jamek Batu Maung yang baharu.



ANWAR Ibrahim (tiga dari kiri), Abdul Malik Abul Kassim (dua dari kiri) dan Dr. Afif Bahardin (tiga dari kanan) bersama-sama mengaminkan bacaan doa oleh Ustaz Jamil Nordin dari Jabatan Mufti pada Majlis Perasmian Majlis Pecah Tanah Pembinaan Masjid Baru di sini baru-baru ini.

## ZPP sasar RM4.3 juta kutipan, zakat fitrah RM7 seorang

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BERTAM** – Zakat Pulau Pinang (ZPP) mensasarkan kutipan berwajib bagi tahun ini adalah sebanyak RM4.3 juta daripada kira-kira 580,000 umat Islam di negeri ini, dengan kadar fitrah RM7 seorang.

Atas maksud itu, Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Datuk Mohd. Salleh Man memberitahu, ZPP memberi tauliah kepada seramai 1,688 amil untuk memungut zakat fikrah bermula

bulan Ramadan tahun ini.

"Kiraan sebenar RM6.76, dikenakan fitrah RM7 dengan alasan dilebihkan sedikit dari kadar asal berdasarkan bab 'ihtiat' (lebih selamat)," ujarnya yang juga Ahli Lembaga Pengarah ZPP pada Majlis Pentaulahan Amil Zakat di sini baru-baru ini.

Tambah Mohd. Salleh, seramai 9,156 orang layak menerima sumbangan Hari Raya nanti, iaitu 740 di bawah asnaf fakir dan 8,416 di bawah asnaf miskin.

Bercakap pada sidang media sama, Pengurus Besar ZPP, Dr.

Azman Abdul Somat memberitahu, pihaknya mensasarkan kutipan RM90.5 juta meliputi zakat fitrah dan zakat perniagaan.

Dalam perkembangan berkaitan, Mohd Salleh berkata, seramai 60 lagi penerima dikenalpasti layak menerima bantuan Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini, hasil penganjuran Program Jejak Asnaf oleh ZPP di 22 qaryah baru-baru ini.

Sebanyak RM80.07 juta berjaya dikutip oleh ZPP pada tahun lepas, RM4.2 juta adalah jumlah kutipan zakat fitrah.



MOHD. Salleh Man (kiri sekali) beramah-mesra dengan para penerima pada Majlis Pentaulahan Amil Zakat di sini baru-baru ini.

# Pelajar-pelajar cemerlang SPM syukur penghargaan negeri

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN** - Rata-rata pelajar cemerlang yang memperoleh keputusan semua A dalam semua matapelajaran peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi tahun 2013 melahirkan rasa syukur dan teruja dengan penghargaan yang diberikan Kerajaan Negeri.

Salah seorang penerima, Muhammad Izzat Mohd. Zubir, 18, pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Agama (L) Al-Mashoor, memperoleh 11A+ (tambahan subjek Bahasa Arab, Ulum al-Quran & as-Sunnah dan Syari'ah Islamiyah) melahirkan rasa syukur dan berpuas hati dengan pencapaiananya.

"Alhamdulillah, semangat untuk terus berbakti bukan sahaja pada keluarga, tetapi pada negeri dan negara berkobar-kobar. InshaAllah, saya berhasrat untuk menjadi ahli astrozifizik suatu hari kelak," kata anak ke-lima daripada enam adik-beradik kepada

Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Muhammad Izzat merupakan salah seorang pelajar daripada jumlah keseluruhan 337 yang terpilih menerima hadiah penghargaan daripada Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.

Selain penghargaan berupaya wang tunai, kumpulan pelajar cemerlang itu juga menerima sijil penghargaan dan trofi khas sebagai penghargaan dan galakan memperoleh A+ dalam semua mata pelajaran.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng sendiri hadir menyempurnakan penyampaian insentif tersebut.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam merangkap Setiausaha Politik kepada Y.A.B. Ketua Menteri, Wong Hon Wai, ADUN Komtar, Teh Lai Heng, ADUN Batu Uban, Dr. T. Jayabalan dan Ku Mariam Ku Iskandar (Ketua

Penolong Pengarah (Bahasa Inggeris), Sektor Pengurusan Akademik yang mewakili Pengarah Pendidikan Negeri Pulau Pinang).

Bagi dua sahabat baik dari SMK (P) St. George's pula, Vishnu Priya, 18, dan Yuhaniz Abdul Malik, 18, yang memperoleh keputusan 9A+ turut berasa teruja dan berhasrat untuk berkhidmat sebagai doktor pakar di Pulau Pinang suatu hari kelak.

"Syukur dan rasa bermotivasi dengan kata-kata semangat daripada Ketua Menteri, InshaAllah, akan kembali menabur bakti di Pulau Pinang," kata Yuhaniz yang turut menerima Anugerah Pelajar Cemerlang Kategori Pelajar Melayu Terbaik.

Kegembiraan turut dikongsikan dua adik-beradik yang cacat penglihatan sejak dilahirkan, Felicia Pui Jia Hui, 19 dan Andrea Pui Jia Hui, 19, masing-masing memperoleh 7A+ dan 8A+ dalam peperiksaan SPM lalu.

Ibu mereka, Teresa Wong, 53 dan bapa, Leo Pui Jung Kie, 47, menyifatkan kejayaan anak-anak istimewa mereka sebagai suatu keajaiban.

"Kami tidak mengharapkan keputusan cemerlang, namun apa yang mereka capai sebagai satu bonus dan keajaiban buat kami.

"Kejayaan mereka bukan sahaja dari usaha sendiri, tetapi juga kegigihan guru-guru yang bersabar mengajar anak-anak saya sehingga berjaya," kata Jung Kie.

Dalam pada itu, Guan Eng dalam ucapannya menyatakan bahawa apabila memperoleh kejayaan cemerlang, sewajarnya para pelajar diberi sokongan dan penghargaan supaya golongan tersebut terus bersemangat meneruskan perjuangan di mana-mana institusi pendidikan tinggi di seluruh negara.

Tahun lalu, seramai 479,395 calon berdaftar menduduki peperiksaan SPM dan 13,970 calon mendapat keputusan semua A dengan nilai Gred Purata Nasional (GPN) ialah 4.93 berbanding 5.08 pada tahun 2012. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,024



**VISHNU Priya (kiri) dan sahabat baiknya, Yuhaniz Abdul Malik.**

berjaya memperoleh keputusan cemerlang dengan nilai gred purata yang lebih baik iaitu 4.87 berbanding tahun 2012 (4.73).

Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) Perempuan Cina diumumkan sebagai sekolah terbaik diikuti SMJK Jit Sin dan SMJK Chung Ling, Butterworth.

Manakala, lima pelajar SMK (P) St. George's mendapat keputusan semua subjek lulus dengan A+, diikuti SMK Tinggi Bukit Mertajam dan SMJK Chung Ling, Butterworth, masing-masing dengan empat calon.



**ANDREA Pui Jia Hui (dua dari kanan) dan Felicia Pui Jia Hui (dua dari kiri) berkongsi kegembiraan bersama ibu dan bapa mereka pada Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang SPM di sini baru-baru ini.**

## Penang Suoq Ramadan beri peluang peruncit berniaga

**GEORGE TOWN**

- Penang Suoq Ramadan 2014, acara tahunan yang menawarkan pelbagai variasi makanan dan kelempeng kapapun menjelang Aidilfitri kembali dengan penyertaan sebanyak 46 peniaga dan peruncit bagi tahun ini.

Bertemakan 'Ramadhan Dihayati, Ekonomi Diberkat', penganjuran Penang Suoq Ramadan 2014 kini memasuki tahun keempat berturut-turut di gelar.

Menurut Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim yang juga merupakan pengaju Penang Suoq Ramadan dalam ucapannya berkata, penganjuran acara tersebut merupakan satu konsep penjenamaan (*branding*) bagi semua aktiviti yang dijalankan sepanjang bulan Ramadan di Pulau Pinang.

"Selain memberi ruang dan peluang kepada peniaga dan peruncit untuk berniaga, kita (Kerajaan Negeri) juga memberi peluang kepada pengguna kuasa untuk membuat pilihan."

"Di sini (Penang Suoq Ramadan) pelbagai jenis pakaian, barang-barang isi rumah, hiasan dan perabot turut dijual



**MOHD. Rashid Hasnon (kanan sekali) bersalaman dengan Dr. Abdul Rahman Abbas (kiri sekali) yang tiba bagi menyempurnakan Majlis Perasmian dan Pelancaran Penang Suoq Ramadan 2014 sambil diperhatikan Abdul Malik Abul Kassim di sini baru-baru ini.**

pada harga yang berpatutan," ucapnya pada Majlis Perasmian dan Pelancaran Penang Suoq Ramadan 2014 di Komtar di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan), Datuk Muhammad Yusoff Wazir dan Timbalan Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Datuk Abdul Rahim Isahak.

Majlis Perasmian yang disempurnakan Yang diPertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas akan beroperasi sepanjang Ramadan bermula jam 10 pagi sehingga 10 malam di Aras 3, Konkos Komtar.

## Rawatan Islam ada prospek cerah di P. Pinang

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SEBERANG JAYA** - Perubatan Islam perlu dipromosikan dengan lebih meluas supaya ia (perubatan alternatif) turut meningkatkan keyakinan masyarakat di negeri ini, kata Ahli Lembaga Pengarah bagi Zakat Pulau Pinang (ZPP), Ustazah Rahmah Md. Isa di sini baru-baru ini.

Malah, katanya, perubatan alternatif berkenaan turut mempunyai prospek cerah memandangkan industri pelancongan perubatan di Pulau Pinang cukup kukuh belakangan ini.

"Rawatan ikut kaedah Rasulullah SAW ini bukan sahaja beri manfaat kepada ummah, malah, boleh membangunkan sektor pelancongan dakwah kesihatan di negeri ini, di samping industri pelancongan perubatan yang sedia ada," ujarnya pada Majlis Perasmian Program Kesihatan & Rawatan Islam di dewan kuliah Masjid Jamek Seberang Jaya di sini.

Rahmah berucap demikian semasa mewakili Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) merangkap

Ahli Lembaga Pengarah ZPP, Datuk Mohd. Salleh Man pada kolokium tersebut.

Memetik data Penang Health Association (PHA), difahamkan, jumlah pendapatan sektor pelancongan perubatan bagi tahun 2013 meningkat 18.03 peratus menjadi RM371 juta, berbanding RM314 juta pada tahun sebelumnya,

Angkaitu menunjukkan sektor pelancongan perubatan Pulau Pinang menyumbang kira-kira 60 peratus pada sektor perubatan negara.

Sebelum itu, Penolong Pengurus Besar ZPP, Mohd. Khairi Ghazali mengesyorkan program khusus kepada golongan wanita dianjurkan badan bukan kerajaan (NGO) Kami Prihatin dengan kerjasama Pusat Rawatan & Perubatan Islam (PUSRAPI) itu turut membabitkan golongan asnaf terpilih.

"Saya berharap program seumpama ini turut membabitkan golongan asnaf terpilih," ujar beliau.

Dalam pada itu, Pakar Perubatan Islam PUSRAPI, Ustazah Azlina Zubir pula menyampaikan penerangan berhubung keistimewaan rawatan Islam serta beberapa demonstrasi perubatan berwajib.

# Sasar edar 40,000 bekas bubur lambuk sempena Ramadan

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN** - Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng sekali lagi menyampaikan sumbangan program bubur lambuk kepada 13 masjid terpilih sempena Ihya' Ramadan ini.

Menurut beliau, program yang dilaksanakan sejak tiga tahun lepas itu meliputi tiga kawasan masjid terpilih untuk sambutan di peringkat

negeri dan 10 Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) di bawah seliaan Pegawai Penyelaras KADUN (PPK).

"Sebanyak 300 hingga 350 bekas bubur lambuk berjaya diedarkan setiap hari sepanjang bulan Ramadan pada tahun lepas di setiap lokasi terpilih.

"Justeru, Kerajaan Negeri mensasarkan sebanyak 40,000 bekas bubur lambuk berjaya diedarkan di 13 lokasi terpilih



KETUA Menteri sambil ditemani Mohd. Rashid Hasnon (duduk, empat dari kiri) dan Abdul Malik Abul Kassim (empat dari kanan) bergambar kenangan bersama-sama PPK dan wakil-wakil masjid pada Majlis Penyampaian Replika Cek Bubur Lambuk Sempena Ramadan di sini baru-baru ini.

sempena bulan Ramadan tahun ini," ujarnya pada Majlis Penyampaian Replika Cek Bubur Lambuk Sempena Ramadan di sini baru-baru ini.

13 lokasi tersebut adalah Masjid Permatang Keriang dekat Penaga, Masjid Kampung Banggol (Permatang Berangan), Masjid Permatang Tok Jaya (Sungai Dua), Surau Ubudiyah (Sungai Aceh), Surau Taman Sri Serdang (Bertam), Surau Kubang Menerong (Pinang Tunggal), Masjid Kampung Binjai (Bayan Lepas), Masjid Pulau Betong (Pulau Betong), Surau Al-Masakin (Teluk Bahang), Masjid Kampung Lebai Tahir (Teluk Air

Tawar), Masjid Bagan Jermal (Tanjung Tokong), Masjid Taman Guar Perahu (Penanti) dan Masjid Sungai Duri (Sungai Bakap).

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon, Datuk Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) turut hadir pada majlis penyerahan cek replika kepada semua wakil masjid program bubur lambuk tersebut.

Hadir sama, Pegawai Penerangan Kerajaan Negeri merangkap Pengurus Jawatankuasa Pengurusan Masjid & Qaryah bagi

Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Ustaz Rosidi Hussain serta PPK lain.

Mereka, Asrol Sani Abdul Razak (PPK Bertam), Muhasdey Muhamad (PPK Pinang Tunggal), Ridwan Osman (PPK Penaga), Zahadi Mohd. (Sungai Dua), Arshad Md. Salleh (PPK Permatang Berangan), Norhayati Jaafar (PPK Teluk Air Tawar), Azmi Samsudin (PPK Sungai Aceh), Mohd. Tuah Ismail (PPK Pulau Betong) dan Halil Sabri Hamid (PPK Teluk Bahang).

PPK Bayan Lepas, Jamaludin Said tidak hadir pada majlis tersebut kerana demam dengan.

## Cipta robot mirip 'R2-D2' Star Wars jadi johan dunia



BRYAN Chong Fook Lim (kiri sekali) dan para pelajarannya menunjukkan sijil penghargaan diterima sambil merakam gambar kenangan bersama-sama robot ciptaan yang berjaya menjuarai Laureate Award for Excellence in Robotic Engineering di Sepanyol baru-baru ini.

**GEORGE TOWN** - Reka cipta robot mirip 'R2-D2' dalam filem fiksyen terkenal Star Wars akhirnya melayakkan empat mahasiswa INTI International College Penang (INTI) dipilih sebagai johan pertandingan antarabangsa Laureate Award for Excellence in Robotic Engineering di Sepanyol baru-baru ini.

Pinang dalam (bidang) reka cipta robot," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Menurut Guan Eng, pencapaian dari kolej swasta berkenaan sekaligus mengharumkan nama Pulau Pinang di peringkat antarabangsa.

Difahamkan, projek johan tersebut dikenali sebagai MEGA-01 Mobile Enhance Guider Android.

Pasukan bakat terbabit menghantar proposal projek tersebut kepada penganjur, Laureate International Universities pada Disember tahun lepas.

Projek mereka diumum masuk saringan akhir antarabangsa itu pada Februari lepas, sebelum, diumumkan johan kejohanan yang berlangsung pada 23 hingga 25 April baru-baru ini.

Mereka, Toh Yi Feng, 21, Chung Soon Zhi, 21, Koh Kah Seng, 20, dan Lee Joo Han, 22, di bawah guru penasihat, Bryan Chong Fook Lim, 51.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam satu majlis sumbangan menyampaikan sijil penghargaan Kerajaan Negeri kepada mereka sebagai menghargai bakat anak Pulau Pinang terbabit.

"Ini contoh bakat yang ada di Pulau

## Ziarah Kasih Ramadan kuasakan komuniti desa – Afif

**SEBERANG JAYA** - Lebih 30 komuniti setempat bersama-sama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin menganjurkan program Ziarah Kasih Ramadan dengan membaik pulih rumah seorang warga emas dikenali sebagai Nenek Halijah, 71, serta menziarahi beberapa keluarga terpilih dekat Kampung Pertama di sini baru-baru ini.

Pengarah penganjur, Amir Md. Ghazali memberitahu, program tersebut dianjurkan menggunakan sumbangan komuniti serta peruntukan Zakat Pulau Pinang (ZPP) berjumlah RM3,000.

"Dalam rekod kita, Nenek Halijah tinggal dengan cucunya, adik Hafiz, iaitu seorang OKU (orang kurang upaya).

"Maka, kita pilih untuk baiki struktur fizikal rumah ini, seperti bumbung, dinding serta kerja-kerja mengecat semula sempena menyambut bulan Ramadan," ujarnya yang juga bekas Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Kampung Pertama turut



SUKARELAWAN Komuniti Permatang Pauh mengecat semula rumah Nenek Halijah pada program Ziarah Kasih Ramadan di sini baru-baru ini.

menyertai program tersebut.

Dr. Afif yang juga Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan pula memberitahu, program Ziarah Kasih Ramadan tersebut wajar diteruskan kelak demi memperkuasa komuniti atas semangat kejiranannya, khususnya di luar bandar.

"Program seumpama ini wajar diteruskan kerana ia kuatkan komuniti kejiranannya di kampung-kampung dan desa-desa," ujar beliau.

Selain kerja-kerja membaik rumah Nenek Halijah, Afif, Amir serta sukarelawan komuniti Permatang Pauh lain turut melakukan ziarah mesra beberapa keluarga terpilih di sini.

# Umat Islam P. Pinang sebagai 'The Walking Al-Quran' - Exco

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**KEPALA BATAS** - Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim berkata, Kerajaan Negeri amat berharap dapat menjadikan umat Islam di Pulau Pinang sebagai "The Walking Al-Quran" melalui program-program dakwah yang diatur sepanjang bulan Ramadan ini.

Beliau berkata demikian ketika memberikan ucapan pada Program Seminar Al-Quran Peringkat Negeri Pulau Pinang di Dewan Millenium di sini baru-baru ini.

Menurut Malik, seminar tersebut diadakan bersempena dengan program sambutan bulan-bulan Al-Quran yang dijalankan Kerajaan Negeri.

"Kerajaan Negeri berusaha memartabatkan agama Islam di Pulau Pinang melalui anjuran program-program berbentuk dakwah seperti ini sejak tahun 2010.

"Seminar ini merupakan siri ke-lima bersempena sambutan bulan-bulan Al-Quran iaitu bulan Rejab, Syaaban dan Ramadan," katanya yang juga Ahli

Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung.

Tambah Malik, selain dapat mendekatkan umat Islam dengan Al-Quran, diharapkan ia juga dapat menarik orang bukan Islam untuk mendekati Islam.

"Program seumpama ini merupakan satu formula terbaik bagi mendekatkan semula umat Islam dengan kitab suci itu dan sunnah Rasullullah S.A.W.

"Saya berharap agar penghayatan Al-Quran ini bukan sahaja dapat mendekatkan umat Islam, malah dapat menarik minat orang bukan Islam untuk mendekati agama ini," ujar beliau.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon, Sohibus Samahah Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor (Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang) dan tiga panel, Prof. Datuk Ismail Ibrahim (Universiti Islam Antarabangsa Malaysia) Ustaz Roslan Mohamed (Universiti Malaya) dan Ustaz Hanafiah Abd. Razak (Jabatan Mufti Johor).

Bersempena penganjuran berkenaan, Dr. Wan Salim turut memberi syarahan kepada hampir 1,000 peserta yang hadir



**SEBAHAGIAN** peserta yang hadir pada Program Seminar Al-Quran Peringkat Negeri Pulau Pinang di Dewan Millenium di sini baru-baru ini.

sebelum ketiga-tiga ahli panel membentangkan kertas kerja berkisarkan ibadah di bulan Ramadan.

Dalam pada itu, menurut Mohd. Rashid, sambutan bulan-bulan Al-Quran bertemakan, 'Penghayatan Al-Quran Mengukuh Ukuwah, Memartabat Islam' tersebut diharap dapat mengukuhkan silaturrahim sesama manusia.

"Saya berharap umat Islam khususnya di negeri dapat menghayati

ayat-ayat Al-Quran dan mengamalkannya.

"Semoga para hadirin yang hadir mendapat ilmu yang boleh dikongsi antara satu dengan lain dan memperbaiki hubungan sesama manusia agar dapat merealisasikan tema pada tahun ini," ujarnya yang juga Exco Pembangunan Industri, Perdagangan Antarabangsa, Pembangunan Keusahawanan, Koperasi dan Perhubungan Masyarakat.

## Bandar Cassia bakal jadi bandar eko bersepadu terbesar

Oleh: **ZAINUL FAQAR YAACOB**

**BATU KAWAN** - Tempahan 520 unit rumah mampu milik rakyat berkualiti Kerajaan Negeri Pulau Pinang boleh dibuat sekarang untuk kediaman Fasa 1 Taman Cassia di sini bagi mereka yang layak.

Justeru, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mengalunkan semua pihak mengunjungi Galeri Jualan seliaan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) bagi melihat contoh rumah mampu milik idaman masing-masing.

Tambah beliau, kediaman berkeluasan lantai 800 kaki persegi ditawarkan pada harga RM72,500 seunit, RM168,000 (900 kaki persegi) dan RM220,000 (1,000 kaki persegi).

"Kalau kita lihat flat-flat rumah awam HDB (Lembaga Pembangunan Perumahan, Singapura) yang dibina di Singapura sekarang pun, kita akan percaya kualitinya lebih

(bermutu) daripada rumah mampu milik yang dibina di negara kita sebelum ini.

"Kerajaan Negeri telahpun melantik pembina rumah awam terunggul di dunia (HDB Singapura) untuk membantu kita supaya selepas ini, walaupun nama rumah mampu milik di sini (Bandar Cassia), tetapi kualitinya bukan (sekadar) rumah mampu milik," ujarnya pada Majlis Perasmian Galeri Jualan Taman Cassia Seliaan PDC di sini baru-baru ini.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo, P. Kashthuraani (Ahli Parlimen Batu Kawan), Soon Lip Chee (Ahli Dewan Undangan Negeri Jawi), Micheal Tan Cheong Eng (Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai, MPSP) dan Datuk Rosli Jaafar (Pengurus Besar PDC) turut menyertai majlis rasmi tersebut.

Difahamkan, Kerajaan Negeri melalui Projek Perumahan Mampu Milik (Projek AHS),

tanah seluas 200 ekar disediakan untuk membina 11,800 unit kediaman mampu milik berkualiti dalam tempoh 10 hingga 15 tahun, dengan Fasa I Bandar Cassia dijangka siap pada awal tahun 2017.

Dalam Fasa I Bandar Cassia ini juga, difahamkan, 44 unit kilang sedang dibina serta dijangka siap pada awal tahun 2015, manakala, 50 peratus daripadanya telahpun dijual.

PDC turut merancang pembangunan SME Village di atas tanah berkeluasan 150 ekar dekat Batu Kawan, yang akan didirikan 298 unit kilang teras, serta unit berkembang dalam keseluruhan pembangunan meliputi lima fasa di sini.

Menurut Guan Eng, Bandar Cassia bakal menjadi bandar eko bersepadu terbesar di negeri ini dilengkapi pelbagai kemudahan asas canggih, mesra alam, berkonsep hijau, golf resort, taman tema antarabangsa serta 'kampung pekerja'.



**ORANG ramai yang hadir pada Majlis Perasmian Galeri Jualan Taman Cassia seliaan PDC di sini baru-baru ini.**



**CONTOH unit rumah Taman Cassia.**

dengan gedung IKEA pertama di luar Lembah Klang, Penang Designer Village, University of Hull (dari United Kingdom), KDU College University serta Haemonetics, iaitu peneraju global dalam sistem pengurusan darah.

"Semua ini merupakan petanda baik untuk transformasi strategik Bandar Cassia, Batu Kawan kepada eko antarabangsa dan hab masa depan," ujar Guan Eng.

Selain itu, beliau memberitahu, Bandar Cassia bakal mempunyai prospek hartanah paling kompetatif kerana rancangan pembangunannya bersepadu

# Baik pulih flat demi rakyat

Oleh: ZAINULFAQAR YAACOB


**BAGAN JERMAL** - Jagdeep Singh Deo baru-baru ini menyerahkan kembali kunci rumah Blok 5 Mak Mandin 1 di sini kepada 33 keluarga selepas kerja-kerja membaikpulih struktur fizikal bangunan tersebut yang menelan belanja RM695,691.92 peruntukan Kerajaan Negeri siap.

Malah, Jagdeep yang merupakan Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan turut bersetuju meluluskan permohonan peruntukan sehingga RM90,000 untuk tujuan mengelat semula flat rumah kos rendah tersebut, sebagaimana diminta Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal, Lim Hock Seng pada majlis sama.

"Jumlah pembaikan ini telah ditanggung Kerajaan Negeri yang mementingkan kesejahteraan rakyat Pulau Pinang," ujarnya yang juga ADUN Datuk Keramat pada sesi lawatan khas ke kawasan flat berkenaan di sini baru-baru ini.

Menurut Jagdeep, Bahagian Perumahan dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM) memulakan kerja-kerja pembaikan keretakan dan lain pada Oktober 2013 dan siap sepenuhnya pada 4 Jun lepas.

Selama tempoh itu, jelas Jagdeep, Kerajaan Negeri memperuntukkan elaun perpindahan sebanyak RM1,000



AMIRUDIN Kasha.

kepada 33 keluarga berkenaan, di mana RM500 untuk elaun perpindahan ke Projek Perumahan Rakyat (PPR) Ampang Jajar dan baki RM500 lagi dituntut apabila mereka kembali ke flat Mak Mandin kelak.

Mereka, katanya lagi, terdiri daripada 14 keluarga Melayu, Cina (15) dan India (4).

"Cuma, saya minta lima keluarga lagi datang ke Bahagian Perumahan untuk menuntut baki elaun (RM500) segera mungkin.

"Kerjasama yang diberikan oleh 33 keluarga terbabit untuk berpindah ke PPR Ampang Jajar dan kembali ke sini amat dihargai, saya harap ia menjadi ikutan kepada penduduk lain yang akan mengikuti projek membaikpulih kelak," kata beliau.

Justeru, Jagdeep berharap semua penduduk berwajib dapat membayar yuran penyelenggaraan seperti biasa mengikut jadual yang dipersetujui, selain memelihara flat berkenaan supaya kelihatan bersih serta jauh dari aktiviti vandalisme.

Dalam pada itu, salah seorang penduduk, Amirudin Kasha, 62, yang ditemui melahirkan rasa gembira atas inisiatif Kerajaan Negeri membaikpulih kawasan kediaman mereka, yang kini berusia lebih 20 tahun tersebut.

"Sebelum ini, memang banyak masalah seperti saluran pembentungan tersumbat, lampu di koridor tidak



BLOK 5 Mak Mandin 1 yang bakal dicat semula selepas kerja-kerja membaikpulih struktur fizikal bangunan dijalankan di sini baru-baru ini.



berfungsi, keretakan (pada struktur bangunan) dan flat rosak.

"Tetapi, semua ini sudah dibaiki sekarang...tentulah sekeluarga

seronok kerana boleh kembali ke rumah kami semula," ujar Amirudin, yang merupakan pesara kontraktor pembersihan.



ABDUL Malik Abul Kassim (paling kanan) menjelaskan mengenai proses pemantauan dan penarafan bintang kepada Ustaz Ayob Yaacob (tiga dari kiri), Ustaz Mohammad Jamaluddin (dua dari kiri) dan Ustaz Ismail Omar pada satu mesyuarat penyelaras di sini baru-baru ini.

## Pantau, penarafan bintang surau mulai Ramadan

**GEORGE TOWN** - Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim berkata, pemantauan serta penarafan bintang akan dilakukan ke atas semua surau awam berwajib dalam tempoh empat bulan mulai Ramadan ini.

Menurut beliau, langkah ini demikian memelihara imej Pulau Pinang supaya terus dilihat sebagai destinasi pelancongan Islam pilihan di serantau.

"Langkah ini adalah selepas beberapa aduan daripada orang awam dan pelancong asing bahawa ada surau hotel dan di kawasan pelancongan dalam keadaan daif, kotor, sempit dan tidak selesa untuk menunaikan ibadah," ujarnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Pegawai Tadbir Agama (PTA) bagi Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Muhammad Jamaluddin, Ayob Yaacob (PTA Daerah Barat Daya) dan Ismail Omar (Pegawai Bahagian Pengurusan Masjid bagi Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang, JHEAIPP) turut menyertai sidang media tersebut.

Selain penarafan bintang, Abdul Malik berkata, ganjaran turut disediakan kepada surau yang berjaya diselenggara mengikut garis panduan pelancongan Islam negeri.

Difahamkan, empat kategori dipertandingkan, iaitu hotel, restoran, pusat membeli-belah serta premis awam seperti surau stesen minyak.

Pun begitu, penarafan dan ganjaran tersebut tidak meliputi

465 surau dalam kampung serta dekat kawasan perumahan didaftar di bawah JHEAIPP serta baki 131 surau yang berdaftar di bawah masjid kariah.

Selain itu, Abdul Malik mengesyorkan supaya semua premis komersial yang menawarkan khidmat buffet Ramadan turut menyediakan tempat solat selesa.

"Mesti sedia tempat solat yang selesa kepada pelanggan, ini syor kita," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung.

Malah, tegas beliau, Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan berperundangan terhadap premis komersial yang menyediakan khidmat buffet Ramadan tanpa memiliki sijil halal, sebagaimana dikuatkuasakan sejak tahun 2010.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau memberitahu, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) masing-masing telahpun meluluskan pembukaan 38 tapak dan 20 tapak Bazaar Ramadan.

# Tiada halangan tazkirah Ramadan - Malik

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN** - Kerajaan Negeri tiada sebarang halangan sekiranya masjid atau surau di Pulau Pinang mengadakan tazkirah (kuliah) antara solat sunat terawih sepanjang bulan Ramadan ini.

Perkara tersebut dinyatakan Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim dalam sidang media dekat Komtar di sini baru-baru ini.

"Kita (Kerajaan Negeri) tidak

menghalang, malahan menggalakkan mana-mana masjid dan surau yang ingin mengadakan tazkirah antara solat terawih sepanjang bulan Ramadan ini.

"Walau bagaimanapun, pihak masjid perlulah bijak menyusun tazkirah berkenaan, jangan sampai ia mengganggu kelancaran solat terawih dan keselesaan para jemaah," ujarnya.

Jelas beliau, Kerajaan Negeri turut memberi kelonggaran kepada pihak masjid dan surau untuk menunaikan solat terawih sama ada lapan rakaat atau 20 rakaat.

"Sekiranya pihak masjid dan surau ingin melakukan lapan rakaat, maka Kerajaan Negeri tidak akan menghalang, tetapi amat digalakkan untuk melakukan 20 rakaat dan jemaah yang hendak berhenti pada rakaat ke-lapan, maka tidak mengapa," katanya yang mengharapkan agar galakan tersebut dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua pihak dalam menuntut ilmu pada bulan Ramadan.

Dalam perkembangan lain, Abdul Malik turut mengumumkan pelantikan Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang baharu, Sahibus Samahah Dr.



**ABDUL** Malik Abul Kassim (kiri) berjabat tangan dengan Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor atas lantikan beliau sebagai Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Wan Salim Wan Mohd. Noor, berkuatkuasa 7 Jun lalu, menggantikan Datuk Seri Hassan Ahmad yang telah berkhidmat selama 16 tahun sejak 1997.

Dr. Wan Salim, 70, yang berasal dari Jitra, Kedah merupakan pelajar lulusan

Universiti al-Azhar, Mesir dan University of Edinburgh, United Kingdom sebelum ini merupakan Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang.

(Wawancara khas bersama Dr. Wan Salim di muka surat 23).

## Beli aset & harta tanah, Exco minta penjelasan menteri

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN** - Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo baru-baru ini mengutus sepucuk surat kepada Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan meminta penjelasan mengenai pembelian aset dan harta tanah melebihi empat unit (KPH).

Menurut Jagdeep, dalam satu kenyataan Abdul Rahman di Parlimen baru-baru ini, beliau sendiri memaklumkan mengenai pemilikan atau pembelian empat atau lebih aset seperti rumah perlu dimaklumkan kepada pihak kementerian.

"Apa guna kalau sekadar memaklumkan kepada kementerian sahaja sedangkan tiada tindakan lanjut seperti bayaran cukai?

"Ini jelas sekali akan meningkatkan harga sesuatu harta tanah dengan cepat dan tinggi kerana pihak terbabit akan menjual semula pada harga berlipat kali ganda sedangkan Kerajaan Negeri sedaya-upaya berusaha



**JAGDEEP** Singh Deo.

membendung perkara demikian daripada terjadi," tegas Jagdeep pada sidang media di sini baru-baru ini.

Jagdeep dalam pada itu memohon Abdul Rahman supaya menangani masalah yang timbul mengenai pembelian secara 'proxy' untuk mengelakkan syarat baru tersebut.

Malah, beliau turut berharap supaya menteri bertanggungjawab dapat memberi respon positif kepada pihaknya dalam menangani kenaikan nilai harta tanah yang melampau pada ketika ini.

Serentak itu, Jagdeep

turut menyentuh mengenai kewujudan Kelab Pelabur Hartanah yang dikatakan bergiat aktif di Lembah Klang di mana ia (kelab) disyaki akan membeli sesuatu aset (lazimnya lebih dari satu) lalu menjual semula pada kadar yang tinggi.

"Saya turut mendapatkan reaksi Pengurus Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan (REHDA) Pulau Pinang, Datuk Jerry Chan mengenai kelab ini dan dimaklumkan bahawa ia (kumpulan) belum memasuki pasaran Pulau Pinang," jelas beliau.

## GPMS (A) juara Futsal Piala TKMI



**MOHD.** Rashid Hasnon (barisan belakang, tiga dari kanan) bergambar bersama-sama ahli-ahli pasukan GPMS A yang muncul juara pada Kejohanan Futsal Piala Datuk Mohd. Rashid Hasnon di sini baru-baru ini.

**MERIAH...** Pasukan GPMS (A) jelas unggul apabila menjuarai Kejohanan Futsal Piala Datuk Mohd. Rashid Hasnon (Timbalan Ketua Menteri I) selepas menewaskan pasukan Tomato Futsal di sini baru-baru ini.

GPMS (A) dinobatkan juara menerusi jaringan penalti 3-2 selepas kedua-dua pasukan seri lima sama pada masa permainan sebenar.

Kejohanan tersebut berlangsung dalam tempoh tiga minggu bersempena temasya Piala Dunia Brazil kini.

GPMS (A) pada kejohanan

berkenaan berjaya mengetepikan saingan 31 pasukan lain dan menerima wang tunai berjumlah RM3,000, pingat dan piala. Manakala Naib Johan (Tomato Futsal) menerima wang tunai RM2,000 berserta pingat.

Bagi tempat ketiga, pasukan Anjuman membawa pulang wang tunai RM1,000 dan pingat manakala tempat keempat (GPMS B, pingat).

Mohd. Rashid yang juga merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak hadir merasmikan kejohanan tersebut.

# Projek lebar Sg. Jelutong atasi banjir lancar - Exco

Oleh: WATAWA NATAF ZULKIFLI

**DATUK KERAMAT** – Masalah banjir yang sering melanda sekitar Taman Free School dan Kampung Masjid di persisiran Sungai Jelutong dekat sini bakal berakhir apabila Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang (JPSPP) kini sedang melaksanakan projek pelebaran sungai berkenaan.

Menurut Ahli Dewan Undangan Negeri Datuk Keramat, Jagdeep Singh Deo, projek di sepanjang persisiran Sungai Jelutong sejauh 220 meter itu kini berjalan lancar seperti yang dirancang.

“Kerja-kerja pemasangan blok aliran sungai baru berkelebaran 4.6 meter ini giat dijalankan bagi membenarkan Sungai Jelutong menampung lebih kapasiti air apabila musim hujan dan air laut pasang.

“Projek melibatkan dana sebanyak RM1.5 juta ini turut akan ditanam dengan rumput di bahagian tebing serta pemasangan pagar,” ujarnya ketika mengadakan sesi lawatan khas ke tapak projek di belakang Taman Free School di sini baru-baru ini.

Tambah Jagdeep, projek membabitkan tempoh masa enam bulan tersebut terpaksa dirombak semula selepas terdapat kekeliruan sebelum ini yang mana berlakunya salah faham antara pihak JPSPP dan kontraktor sehingga menyebabkan keluasan sungai dibina (sebelum ini) tidak mengikut spesifikasi dikehendaki.

“Ini juga merupakan sebahagian daripada projek tebatan banjir yang sedang dilaksanakan bagi mengelakkan penempatan di sekitar Sungai Jelutong tenggelam iaitu apabila berlakunya hujan lebat dan air pasang.

“Apabila hujan lebat dan air pasang, air dari Sungai Pinang yang menerima limpahan dari laut akan ditolak ke Sungai Jelutong yang merupakan sub kepada sungai berkenaan,” jelas beliau.

Justeru, Jagdeep mewakili pihak Kerajaan Negeri dan JPSPP memohon maaf atas segala kesulitan yang terpaksa dilalui penduduk-penduduk terlibat.

“Pelaksanaan projek ini adalah demi keselesaan di masa hadapan.

“Sebagai tindakan lanjut, saya turut meminta kontraktor terlibat supaya berhati-hati dalam melakukan kerja menaiktaraf supaya tiada kemalangan jiwa berlaku,” tambahnya.

Mengulas lanjut mengenai Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Fasa II bagi Sungai Pinang, Jagdeep menyatakan bahawa Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow sudah mengutus surat kepada Kerajaan Pusat bagi meminta projek tersebut dilaksanakan memandangkan Kerajaan Negeri telah berjaya memindahkan 90 peratus penduduk terlibat.

Projek RTB membabitkan kos RM150 juta berkenaan merupakan projek tebatan banjir terbesar daripada 22 projek sama dalam negara.



JAGDEEP Singh Deo (kanan) menunjukkan kerja-kerja pelebaran Sungai Jelutong yang giat berjalan kini.



KERJA-kerja pelebaran Sungai Jelutong.

## PTSR - Peminjam disiplin boleh tambah nilai pusing modal

**BAYAN BARU** – Sebagaimana dijanjikan, bagi peminjam berdisiplin yang membuat bayaran balik pinjaman mikro kredit, Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR), Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) membuka peluang kepada golongan tersebut untuk membuat pinjaman kedua sebagai pusingan modal dalam memperkembangkan perniagaan masing-masing.

Kenyataan tersebut diumumkan Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon ketika menyampaikan cek pinjaman berkenaan di sini baru-baru ini.

“Lebih separuh daripada 82 penerima pada sesi kali ini merupakan peminjam kali kedua yang mana mereka disiplin melangsaikan jumlah pinjaman pertama, malah, terdapat juga yang

berjaya menjelaskan pinjaman sebelum tarikh ditetapkan.”

“Ekoran itu, Kerajaan Negeri dan PDC tidak teragak-agak untuk meluluskan pinjaman kedua, bahkan menambah nilai kepada jumlah lebih besar,” ujarnya pada Majlis Penyampaian Cek Pinjaman PTSR di sini baru-baru ini.

Salah seorang penerima pinjaman kali kedua, Zunaidah Mustaffa, 36, yang merupakan pengusaha kosmetik berkata, beliau sememangnya mengutamakan disiplin dalam pembayaran semula pinjaman tersebut.

“Saya akan bayar mengikut jadual yang PDC tetapkan dan jika



ZUNAIDAH Mustaffa.

ada keuntungan yang lebih, saya akan bayar lebih supaya hutang ini dapat diselesaikan dengan cepat.

“Kini, saya boleh menikmati kadar pinjaman sebanyak RM8,000 berbanding RM3,000 pada kali pertama,” ujarnya kepada Buletin Mutiara di sini baru-

baru ini.

Bagi peniaga sari, R. Punitha, 43, yang juga merupakan peminjam kedua menyatakan bahawa beliau akan menggunakan dana terbabit bagi menambah stok premisnya.

“Seperti pinjaman pertama, saya akan menggunakan pinjaman ini untuk ke India bagi mendapatkan stok baru memandangkan yang



MOHD. Rashid Hasnon (kiri) menyampaikan cek PTSR kepada R. Punitha pada majlis penyampaianya di sini baru-baru ini.

sedia ada sudah berkurangan,” ujarnya yang berniaga di Little India, George Town.

PTSR yang diperkenalkan sejak tahun 2009 adalah khas kepada peniaga-peniaga kecil. Bagi pinjaman kali pertama, tiada

sebarang bunga dikenakan dan bagi kedua serta ketiga, ia dikenakan caj perkhidmatan.

Sehingga 2014, PTSR telah memberi manfaat kepada lebih 1,883 peniaga membabitkan dana RM7.46 juta.

# Daftar OKU buka pintu pelbagai bantuan - Rashid

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

## PERMATANG PASIR -

Masyarakat perlu membantu keluarga mempunyai anak orang kurang upaya (OKU) membuat pendaftaran di Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) serta agensi berwajib lain supaya pelbagai peluang bantuan serta sokongan kepada ibu bapa boleh diproses bagi

menguruskan anak istimewa tersebut.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon berkata demikian semasa mengulas isu pesakit *cerebral palsy* Muhammad Firdaus Dullah, 15, yang ditinggalkan terabai di rumahnya dekat Seremban, Negeri Sembilan baru-baru ini.

"Tak perlulah menuding jari kepada sesiapa pun kalau kita

empati. Tapi, sebagai masyarakat, kita perlu bantu keluarga yang mempunyai anak istimewa seperti Muhammad Firdaus ini atas nama kemanusiaan supaya kes seperti ini tidak berulang di negeri ini pula," responnya di sini baru-baru ini.

Mohd. Rashid yang juga Exco Pembangunan Industri, Perdagangan Antarabangsa, Pembangunan Keusahawanan, Koperasi dan Pembangunan Masyarakat berkata demikian pada Fiesta Santai Rakyat Peringkat Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) di Pekan Kubang Semang, yang disertai lebih 2,000 pengunjung di sini.

Pegawai Daerah SPT, Jusni Ismail dan Amir Md. Ghazali (bekas Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai, MPSP) turut menyertai program tahunan tersebut yang meliputi kelima-lima daerah.

Mohd. Rashid memberitahu bahawa program Fiesta Santai Rakyat tersebut akan turut dilaksanakan di empat daerah



MOHD. Rashid Hasnon (tengah, berjersi biru) bersama-sama komuniti setempat dalam salah satu acara sukan rakyat iaitu pertandingan mengupas dan makan durian pada penganjuran Fiesta Santai Rakyat Peringkat Daerah SPT di sini baru-baru ini.

lain, Seberang Perai Utara (SPU), Seberang Perai Selatan (SPS), Timur Laut dan Barat Daya.

"Tiap-tiap tahun, Fiesta Santai Rakyat ini diadakan di kelima-lima daerah untuk mendekatkan Kerajaan Negeri dengan komuniti dan tahun ini, kita mula di SPT dulu," kata Mohd. Rashid sambil merakamkan sambutan Ramadhan kepada seluruh umat

Islam di negeri ini.

Selain kenduri rakyat, sukan rakyat, lawatan ke ladang pisang, acara redah kampung merupakan antara program menarik pada program yang bermula seawal jam 8 pagi hingga 1 petang berkenaan.

Mohd. Rashid turut menyampaikan sumbangan kepada lebih 30 keluarga terpilih sempena menyambut Ihya' Ramadan.



AKSI peserta wanita yang mengambil bahagian dalam salah satu acara yang diadakan.

## Kementerian digesa bertemu pengusaha bot pukat tunda

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**KUALA LUMPUR** - Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin, baru-baru ini menggesa Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani agar dapat mengadakan pertemuan dengan pengusaha-pengusaha bot pukat tunda Zon B bagi empat buah negeri, iaitu Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Selangor.

Tze Tzin berkata, tujuan pertemuan tersebut adalah untuk memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha bot pukat tunda menyuarakan pendapat dan permasalahan berhubung pelaksanaan penguatkuasaan kawasan penangkapan Zon B baharu pada 1 Jun lalu.

Tze Tzin memberitahu, peraturan baharu tersebut telah memperluaskan kawasan penangkapan ikan Zon B dari lima batu nautika hingga 12 batu nautika sebelum ini kepada jarak lapan batu nautika hingga 15 batu nautika.

"Rungutan yang saya terima daripada pengusaha-pengusaha bot pukat tunda ialah berkaitan kapasiti

bot (*horse power*) yang tidak mampu mengharungi pukulan ombak yang kuat di kawasan 15 batu nautika dari pantai," katanya sejurus sesi persidangan Dewan Rakyat di sini baru-baru ini.

Memorandum penguatkuasaan tersebut diserahkan Tze Tzin mewakili persatuan-persatuan nelayan terbabit kepada Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Tajuddin Abdul Rahman di lobi Dewan Rakyat di sini baru-baru ini.

Hal ini, tegas beliau, menyebabkan ramai nelayan tidak berkeinginan untuk keluar menangkap ikan kerana bimbang akan keselamatan diri mereka.

"Oleh demikian, saya telah menyerahkan memorandum kepada Timbalan Menteri berkenaan serta menyertakan beberapa syor yang boleh dipertimbangkan oleh pihak Kementerian," ujarnya.

Beliau memberitahu, antara syor-syor dikemukakan adalah mewujudkan dua jenis lesen B, iaitu B1 dan B2 di mana lesen B1 dikekalkan kawasan penangkapan



SIM Tze Tzin (empat dari kiri) bersama-sama wakil nelayan menyerahkan memorandum kepada Tajuddin Abdul Rahman (empat dari kanan) sambil disaksikan ahli-ahli Parlimen lain di lobi Parlimen di sini baru-baru ini.

seperti dahulu iaitu dari lima batu nautika ke 12 batu nautika dan dihadkan kepada nelayan-nelayan tempatan sahaja.

"Manakala lesen B2 pula seperti yang termaktub dalam peraturan baharu iaitu kawasan penangkapan dari lapan batu nautika ke 15 batu nautika dan diberikan kepada nelayan-nelayan asing.

"Selain itu, penguatkuasaan yang

ketat terhadap bot-bot pukat tunda yang melanggar kawasan penangkapan perlu dilaksanakan," tegasnya.

Dalam hal ini, menurut Tze Tzin, pengusaha-pengusaha bot pukat tunda Zon B menyokong penuh pihak berkuasa Agensi Pengawal Maritim Malaysia (APMM) yang mengambil tindakan tegas terhadap bot pukat tunda yang didapati

menceroboh masuk ke kawasan lain.

Serentak itu, beliau turut mengesyorkan supaya Kementerian menyemak semula peraturan penggantungan lesen pengusaha-pengusaha bot pukat tunda Zon B yang melakukan kesalahan.

"Penggantungan lesen selama setahun dianggap terlalu berat dan boleh menjadikan sumber pendapatan nelayan tersebut."

"Saya juga mencadangkan kepada Kementerian dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) supaya lebih kerap mengadakan pertemuan dengan nelayan sebelum menggubal apa-apa peraturan baharu."

"Saya percaya, semua nelayan sudi memberi kerjasama penuh bagi memastikan kesinambungan sumber laut pada masa hadapan kerana ia merupakan jaminan sumber pendapatan mereka yang berterusan," katanya sambil berharap agar permasalahan berhubungan pelaksanaan peraturan baharu tersebut dapat diselesaikan segera secara positif dan memberi kebaikan kepada semua pihak."

# Pengurus Besar PDC punyai bakat besar

Oleh: WATAWA NATAF ZULKIFLI

**BAYAN BARU** - Siapa pun tidak menyangka Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Datuk Rosli Jaafar adalah artis berbakat besar!

Tidak terkecuali adalah Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang hadir merasmikan Pameran Solo Datuk Rosli Jaafar bertemakan, 'Diinspirasikan Oleh Pulau Pinang' di sini baru-baru ini.

Guan Eng memuji dan agak 'terperanjat' ketika pertama kali mengetahui Rosli mempunyai bakat yang unik.

"Sebelum ini, beliau sangat dikenali dalam bidang arkitek dan kini, saya ingin memberikan gelaran artis arkitek kepada Datuk Rosli (Rosli) yang mempunyai bakat terpendam dalam menghasilkan lukisan berkualiti," katanya pada majlis berkenaan di sini baru-baru ini.

Menurut Guan Eng, beliau menyifatkan negeri Pulau Pinang sebagai 'kanvas' yang sering memberi peluang kepada para artis dalam

mengimplementasikan bakat serta karya masing-masing dalam bidang seni.

"Di Pulau Pinang, kita (Kerajaan Negeri) tidak akan menyekat kebebasan berkarya, kita (Kerajaan Negeri) bukan sahaja menjadi 'kanvas', bahkan kita (Kerajaan Negeri) dapat lihat hari ini pelbagai karya turut menghiasi jalanan di serata George Town dan Pulau Pinang."

"Dalam menjadi sebuah negeri bertaraf antarabangsa, seni juga merupakan satu aspek yang begitu penting selain kemajuan ekonomi, kemakmuran, kebersihan, kemanusiaan dan pembangunan-pembangunan yang lain," ujarnya.

Dalam pada itu, mengulas lanjut, Rosli memberitahu bahawa pada asalnya, beliau merupakan seorang pelukis yang hanya 'syok sendiri' atau dengan erti kata lain atas dasar suka-suka.

"Saya sendiri tidak menyangka pada hari ini berpeluang menjalankan satu pameran solo dan ini membuatkan saya merasa karya saya amat dihargai.

"Tambahan pula, pada mulanya pihak



**ROSLI Jaafar menghadiahkan sebuah lukisan kepada Ketua Menteri yang hadir merasmikan Pameran Solo Datuk Rosli Jaafar bertemakan, 'Diinspirasikan Oleh Pulau Pinang' di sini baru-baru ini.**



**ANTARA karya dihasilkan Rosli Jaafar.**

enganjur D'Piazza Atrium Sdn. Bhd. memperuntukkan karya minimum sebanyak 35 lukisan untuk mengadakan pameran solo sedangkan pada Februari lalu, saya mempunyai

lukisan yang amat kurang," nyata beliau.

Pameran menampilkan 37 lukisan tersebut berlangsung di D'Piazza Mall Bayan Baru sehingga 21 Julai ini dan dibuka setiap hari.

## Usaha wajar pelihara kota unik – KM

**GEORGE TOWN** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng melahirkan rasa berterima kasih dan meraikan penduduk-penduduk sekitar sini yang menjadi penyeri dan nadi kepada bandar ini sejak sekitan lama.

Tambah beliau, para artisan dan pedagang adalah warisan yang terus hidup dan subur dengan mengusahakan perniagaan masing-masing sejak dari bertahun-tahun lalu.

"Warisan hidup di George Town merupakan salah satu pemangkin kepada bidang pelancongan dan ekonomi negeri di mana saya difahamkan sehingga kini, George Town mempunyai 63 kategori perdagangan yang berbeza iaitu 611 perdagangan dan perniagaan tradisional yang masih beroperasi.

"Selain itu, kita (Pulau Pinang) juga mempunyai 389 penduduk yang memiliki dan mengamalkan kemahiran serta pertukangan artisan, seni dan budaya," ujarnya pada Majlis Pelancaran Buku Legasi Kehidupan Pulau Pinang - Peniaga Warisan George Town di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan (ADUN) Negeri Komtar, Teh Lai Heng dan Pengurus Besar George Town World Heritage Incorporated (GTWHI), Lim Chooi Ping.

Bersempena itu, Guan Eng turut menyampaikan terbitan tersebut kepada pelopor bidang masing-masing yang sentiasa memeriahkan bandar George



**LIM Chooi Ping (dua dari kiri) bersama-sama artisan George Town menunjukkan hasil karya seni dan warisan yang dihasilkan pada Majlis Pelancaran Buku Legasi Kehidupan Pulau Pinang - Peniaga Warisan George Town di sini baru-baru ini.**

Town seperti pengusaha pembuatan songkok, pembuat batik, pengukir arca dan batu nisan, pembuat makanan tradisi serta penggiat-penggiat lain.

Menurut Guan Eng, kota yang kaya dengan keunikan budaya, agama dan seni tersebut pastinya akan musnah di hadapan mata kita sendiri andainya tiada usaha-usaha sewajar dalam memeliharanya.

GTWHI merupakan sebuah badan diwujudkan Kerajaan Negeri berperanan untuk memastikan pengekalan warisan di George Town khususnya dalam melindungi, memelihara dan mempromosikan aspek warisan ketara dan tidak ketara.

Pelancaran Buku Legasi Kehidupan Pulau Pinang - Peniaga Warisan George Town adalah bertepatan dengan tarikh ulangtahun pengiktirafan George Town sebagai Bandar Warisan oleh UNESCO pada 7 Julai 2008.

## Derma darah tampung bekalan musim perayaan

Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF

**GEORGE TOWN** - Kempen Kesihatan PDC (Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang) 2014 yang berlangsung di perkarangan ruang legar Komtar baru-baru ini berjaya menarik minat para penjawat awam dan masyarakat sekitar untuk tampil menderma darah sebagai bekalan sambutan musim perayaan yang menjelang tiba tidak lama lagi.

Kempen anjuran bersama Persatuan Bekas-bekas Pelajar Maktab Rendah Sains Mara (ANSARA), Majlis Kebajikan dan Sukan Kebangsaan (MAKSAK) serta Hospital Besar Pulau Pinang (HPP) tersebut adalah bagi mengisi bekalan di Pusat Darah Negeri Pulau Pinang khususnya.

Exco Pertanian & Industri Asas Tan, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, mereka yang beragama Islam terutamanya harus mengambil peluang sempena kedatangan Ramadan untuk menderma darah.

"Menderma darah merupakan kerja terbaik antara kerja yang baik-baik.

"Dengan kehadiran bulan Ramadan ini, marilah kita sama-sama melakukan kerja amal. Selain mencangkupi amalan bersedekah yang dituntut dalam Islam, dengan menderma darah, kita turut



**SALAH seorang penderma darah dibantu jururawat bertugas pada Kempen Kesihatan PDC 2014 di sini baru-baru ini.**

membantu insan yang dalam kesusahan bagi menyelamatkan nyawa mereka.

"Setik darah yang didermakan, mampu menyelamatkan nyawa insan lain," ujarnya pada Majlis Perasmian Kempen Kesihatan PDC di perkarangan ruang legar Komtar di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengurus Besar PDC, Datuk Rosli Jaafar, Timbalan Pengurus Besar PDC, Datuk Abdul Rahim Isahak dan Pegawai Perubatan Tabung Darah Hospital Pulau Pinang, Dr. Siti Atiqah Abdul Halim.

Dalam pada itu, Afif turut memberitahu bahawa statistik turut menunjukkan bahawa bekalan darah berada pada tahap kurang memuaskan setiap tahun menjelang musim perayaan ekoran meningkatnya keskes kemalangan sepanjang tempoh berkenaan.

# Ucapan Perbahasan Rang Undang-undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn 2014 di Parlimen Malaysia pada 9 Jun 2014 (Bahagian 2)

Oleh: **ZAIRIL KHIR JOHARI**  
**Pengarah Eksekutif Penang**  
**Institute merangkap Ahli**  
**Parlimen Bukit Bendera**

## PROGRAM PENUTUR JATI BAHASA INGGERIS

Tuan Yang Dipertua,

Lagi satu masalah yang menggugat daya saingan modal insan kita adalah tahap penguasaan bahasa Inggeris. Jika dahulu kita boleh berbangga dengan graduan tempatan yang fasih bertutur dan berkomunikasi dalam bahasa yang menjadi lingua franca dunia dalam bidang ilmu dan perdagangan, kebelakangan ini kelemahan penguasaan bahasa Inggeris adalah semakin terserlah.

Sebagai contoh, hanya 28 peratus murid tingkatan 5 berjaya mendapat kredit minima dalam kertas Bahasa Inggeris SPM tahun 2011 apabila diukur dengan standard Cambridge 1119. Keputusan ini tidak mengejutkan memandangkan Kementerian sendiri pernah mengakui bahawa dua pertiga daripada 70,000 guru Bahasa Inggeris di negara kita gagal mencapai tahap kecekapan yang sepatutnya. Pada masa yang sama, tahap penguasaan bahasa Inggeris yang rendah dalam kalangan graduan telah dikenalpasti sebagai antara lima masalah utama yang dihadapi oleh para majikan di Malaysia.

Justeru, kita mengiktiraf bahawa Kementerian telah melaksanakan beberapa program untuk memperkuuhkan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan guru dan murid. Antara usahanya adalah Program Penutur Jati Bahasa Inggeris (PPJBI) yang dijalankan dari tahun 2010 sehingga 2013, dan kini dilanjutkan selama dua tahun sehingga 2015.

Dalam program tersebut, tiga syarikat perunding telah dilantik untuk menyediakan 360 orang mentor penutur jati bahasa Inggeris yang kemudiannya dihantar ke sekolah rendah terpilih di serata negara untuk membimbing guru Bahasa Inggeris tempatan. Jumlah kos bagi program ini adalah kurang lebih setengah bilion ringgit dalam tempoh lima tahun, atau bersamaan dengan RM90 juta setahun atau RM21,000 sebulan bagi setiap seorang mentor penutur jati bahasa Inggeris.

Menurut jawapan Kementerian yang pernah saya terima, sepatutnya 7,500 orang guru di 1,800 buah sekolah rendah sudah dilatih dalam tempoh tiga tahun yang lalu. Walau bagaimanapun, pelaburan yang besar ini tampaknya tidak mendatangkan hasil yang setimpal.

Berdasarkan keputusan UPSR (Ujian Penilaian Sekolah Rendah) tahun lepas, didapati bahawa keputusan kertas Bahasa Inggeris telah mengalami kemerosotan, di mana hanya 74.4 peratus daripada calon sekolah kebangsaan berjaya mencapai sekurang-kurangnya gred C, berbanding dengan 77.3 peratus pada tahun lepas. Malah, bilangan calon yang mendapat gred A dan B bagi kertas yang sama juga telah menurun. Pada masa yang sama, Gred Purata Mata Pelajaran untuk kertas tersebut juga merosot.

Justeru, selepas tiga tahun pelaksanaan dan perbelanjaan yang begitu besar, bagaimanakah mungkin penguasaan bahasa Inggeris di kalangan murid sekolah rendah kebangsaan kita boleh merosot? Dalam pada itu, program ini telah dilanjutkan selama dua tahun lagi dengan kos

tambahan RM184 juta dengan terma yang sama bagi ketiga-tiga syarikat perunding.

Dalam mesyuarat Parlimen yang lalu, saya telah mengajukan soalan mengenai rasional lanjutan PPJBI memandangkan penurunan prestasi kertas Bahasa Inggeris dalam keputusan peperiksaan UPSR terbaru. Dalam maklumbalasnya, Timbalan Menteri Pendidikan II mengakui bahawa memang terdapat kemerosotan, namun menyatakan bahawa PPJBI adalah program jangka masa panjang.

Saya setuju dengan Timbalan Menteri bahawa program pendidikan seharusnya bersifat jangka panjang. Walau bagaimanapun, saya tidak boleh menerima hakikat bahawa setelah beratus juta ringgit dibelanjakan dalam tiga tahun pelaksanaan program di peringkat sekolah rendah, tiada sebarang peningkatan yang dicapai dari segi prestasi murid.

Dalam mempertahankan keputusan Kementerian untuk melanjutkan program tersebut, Timbalan Menteri II telah menyatakan bahawa tahap penguasaan guru Bahasa Inggeris telah meningkat. Menurut penilaian yang dibuat oleh mentor penutur jati ke atas guru bimbingan mereka, bilangan guru yang berada pada tahap Basic Level telah berkurangan manakala bilangan guru pada tahap Proficient Level telah meningkat.

Dengan kata lain, "kejayaan" yang diuar-uarkan ini adalah berdasarkan penilaian yang dibuat oleh mentor penutur jati daripada syarikat perunding sendiri. Saya tahu pihak Kementerian ingin mengamalkan sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah, tetapi saya meragui sama ada sistem Pentaksiran Berasaskan Perunding ini adalah kaedah yang paling tepat untuk mengukur hasil yang dicapai. Pada saya, walaupun program ini bertujuan untuk melatih guru, akhirnya kayu ukur kejayaan hendaklah berdasarkan kepada prestasi murid.

Tuan Yang Dipertua,

Tambahan kepada PPJBI ini, kita juga dimaklumkan bahawa Kementerian akan memulakan pengambilan tenaga pengajar Bahasa Inggeris dari negara India juga.

Di sini, saya ingin bertanya sama ada program ini adalah kesinambungan daripada PPJBI ataupun program baru? Pada masa yang sama, saya juga ingin tahu berapakah kos yang terlibat, tempoh kontrak yang dipersetujui, serta adakah pengambilan guru Bahasa Inggeris ini juga dilakukan melalui syarikat perunding.

Selain daripada itu, siapakah sasaran bagi program ini, dan apakah rasional dan kelebihan menggunakan guru dari negara India berbanding penutur jati dari negara Barat? Pohon mendapat perincian daripada pihak Kementerian.

### Keber tanggungjawaban dalam perbelanjaan

Tuan Yang Dipertua,

Komitmen Kerajaan dari segi peruntukan kewangan yang diberikan kepada hal ehwal pendidikan adalah sangat tinggi. Untuk tahun ini, RM54 bilion telah diperuntukkan untuk Kementerian Pendidikan. Angka ini bersamaan dengan 21 peratus belanjawan negara, dan lantas menjadikan Kementerian Pendidikan sebagai

kementerian terbesar dari segi saiz belanjawan.

Namun begitu, perbelanjaan yang besar ini seolah-olah tidak menghasilkan pulangan atas pelaburan (ROI) yang baik, apabila prestasi murid kita dalam penilaian antarabangsa seperti PISA (Programme for International Students Assessment) dan TIMSS (Trends in International Mathematics and Science Study) sering menunjukkan pola yang makin merosot sehingga negara kita kini di tempatkan di kalangan negara-negara yang tercorot.

Hal ini juga diakui oleh laporan PPPM yang menyatakan bahawa "tahap perbelanjaan lebih tinggi tidak semestinya dikaitkan dengan keberhasilan lebih baik." Jelas, persoalan yang harus diberi perhatian bukanlah sama ada peruntukan pendidikan mencukupi atau tidak, tetapi sama ada peruntukan tersebut diuruskan dan dibelanjakan secara telus, berhemah dan demi keberhasilan yang maksimum.

Saya sudah pun mempersoalkan perbelanjaan Kerajaan dalam prasarana ICT, perkakasan komputer, buku teks digital dan juga lantikan syarikat perunding. Kini, saya ingin membawa perhatian Dewan kepada beberapa lawatan kerja ke luar negeri yang dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri selaku kapasitinya sebagai Menteri Pendidikan I.

Menurut beberapa dokumen bocor yang disiarkan dalam blog whistleblower ataupun pemberi maklumat, Timbalan Perdana Menteri telah membuat "lawatan kerja" ke Dubai, United Arab Emirates dari 8 hingga 12 April 2014, kononnya untuk menghadiri Gulf Education and Training Exhibition (GETEX) 2014.

Menurut jadual perjalanan yang tidak dinafikan tetapi hanya disangkal oleh Pejabat Timbalan Perdana Menteri sebagai "deraf" yang belum dimuktamadkan, rombongan Timbalan Perdana Menteri telah menaiki "pesawat khas" ke Dubai, di samping menginap di hotel mewah. Jumlah rombongan pula adalah seramai 17 orang, yang terdiri daripada tujuh orang pengawal keselamatan, empat pegawai khas, dua setiausaha politik, seorang setiausaha akhbar, seorang setiausaha sulit serta Timbalan Perdana Menteri sendiri dan isteri.

Selain daripada itu, jadual perjalanan tersebut juga menunjukkan bahawa urusan rasmi tidak begitu banyak berbanding "program peribadi," permainan golf serta acara-acara tidak rasmi yang melibatkan syarikat-syarikat pembinaan besar Malaysia seperti Ahmad Zaki Resources Bhd dan Eversendai Corporation.

Pertama sekali, rakyat berhak untuk mengetahui apakah kos keseluruhan lawatan tersebut, termasuk penggunaan "pesawat khas," penginapan di Shangri-La Dubai untuk keseluruhan rombongan, perbelanjaan luar jangka serta kos lain yang ditanggung oleh semua badan Kerajaan, termasuk Kementerian Pendidikan, Pejabat Timbalan Perdana Menteri dan agensi-agensi seperti TalentCorp, Education Malaysia dan Tourism Malaysia.

Kedua, Kerajaan harus menjawab apakah kewajaran menghantar delegasi seramai 17 orang untuk lawatan lima hari. Sudahlah ramai, tetapi lebih mengjutkan lagi apabila tujuh daripada 17 orang itu hanyalah pengawal keselamatan, sementara yang

lainnya terdiri daripada lantikan politik daripada pejabat peribadi Timbalan Perdana Menteri.

Ketiga, sekiranya salah satu sebab utama lawatan tersebut adalah untuk menjalin hubungan dalam bidang pendidikan, kenapakah tidak ada seorang pun pegawai daripada Kementerian Pendidikan yang termasuk dalam rombongan tersebut?

Tuan Yang Dipertua,

Menurut blog pemberi maklumat yang sama, "lawatan kerja" ke Dubai ini bukanlah kes terpencil. Pada tahun 2012, Timbalan Perdana Menteri pernah membuat lawatan yang serupa ke Gold Coast, Australia.

Mengikut jadual perjalanan yang dibocorkan, lawatan dari 10 hingga 18 November 2012 telah bermula dengan dua hari di Melbourne di mana Timbalan Perdana Menteri telah merasmikan persidangan World Chinese Economic Forum. Namun selepas itu, Timbalan Perdana Menteri dan rombongan besarnya telah bergegas ke destinasi pelancongan utama Australia, iaitu Gold Coast, Brisbane selama empat hari dan lima malam.

Selama empat hari penuh yang dihabiskan di Gold Coast, aktiviti Timbalan Perdana Menteri hanyalah sebanyak dua jam sehari secara purata. Kebanyakan daripada aktiviti tersebut pula merupakan taklimat ringkas dan majlis makan malam, termasuk pertemuan dengan ahli-ahli Kelab Umno. Sepanjang lawatan tersebut, rombongan telah menginap di hotel mewah Hilton Surfer's Paradise.

Sekali lagi, dokumen menunjukkan bahawa delegasi Timbalan Perdana Menteri berjumlah 17 orang, termasuk enam pengawal keselamatan, lima pegawai khas, dua setiausaha akhbar, seorang setiausaha politik, seorang setiausaha sulit, Timbalan Perdana Menteri sendiri dan isteri.

Sepertimana juga lawatan kerja ke Dubai, tiada seorang pun pegawai kementerian yang mengikuti lawatan tersebut. Adakah ini kerana Timbalan Perdana Menteri tidak mempercayai pegawai-pegawai kementeriannya, ataupun adakah lawatan ini sekadar "company trip" bagi pegawai-pegawai pejabat beliau?

Justeru, saya minta agar Kerajaan mendedahkan jumlah perbelanjaan bagi lawatan ke Melbourne dan Gold Coast ini, termasuk apa-apa kos yang ditanggung oleh semua agensi kerajaan yang terlibat.

Tuan Yang Dipertua,

Hakikatnya, tiada sesiapa yang menafikan bahawa pendidikan adalah bidang kritis yang memerlukan pengamatan dan sokongan semua, termasuk dari segi sumber dana. Namun, Kerajaan perlu telus dan bertanggungjawab dalam perbelanjaan pendidikan.

Apa-apa projek yang dibuat itu biar memberi manfaat kepada semua dan benar-benar meningkatkan prestasi murid dan guru, dan bukannya program yang berupa "cuti" untuk seorang menteri.

Justeru, adalah menjadi harapan saya agar pihak Kementerian dapat memberikan jawapan yang tepat dan bernes kepada semua soalan-soalan yang telah saya bangkitkan.

Sekian, terima kasih.



Nama ADUN	No Tel/ No Faks
<b>AIR PUTIH</b> YB Tuan Lim Guan Eng <a href="mailto:limguaneng@penang.gov.my">limguaneng@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 829 0614
<b>PANTAI JEREJAK</b> YB Haji Mohd. Rashid Hasnon <a href="mailto:rashid.hasnon@penang.gov.my">rashid.hasnon@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 646 4700
<b>PERAI</b> YB Prof. Dr. P. Ramasamy <a href="mailto:ramasamy@penang.gov.my">ramasamy@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 399 6689
<b>PADANG KOTA</b> YB Chow Kon Yeow <a href="mailto:chowkonyeow@penang.gov.my">chowkonyeow@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 226 0218 (F) 04 - 226 0218
<b>BATU MAUNG</b> YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim <a href="mailto:abdulkalik@penang.gov.my">abdulkalik@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 626 1968 (F) 04 - 626 5496
<b>BAGAN JERMAL</b> YB Lim Hock Seng <a href="mailto:limhockseng@penang.gov.my">limhockseng@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 331 7175 (F) 04 - 331 7175
<b>BATU LANCHANG</b> YB Law Heng Kiang <a href="mailto:lawhengkiang@penang.gov.my">lawhengkiang@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 282 6419 (F) 04 - 282 6419
<b>SUNGAI PUYU</b> YB Phee Boon Poh <a href="mailto:pheeboonpoh@penang.gov.my">pheeboonpoh@penang.gov.my</a> ; <a href="mailto:pheeboonpoh@yahoo.com">pheeboonpoh@yahoo.com</a>	(T) 04 - 262 0860 012 - 480 5495 (F) 04 - 261 8745
<b>PADANG LALANG</b> YB Chong Eng <a href="mailto:chong.eng@penang.gov.my">chong.eng@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 530 3028
<b>DATO' KERAMAT</b> YB Jagdeep Singh DEO <a href="mailto:jagdeepsinghdeo@penang.gov.my">jagdeepsinghdeo@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 226 2464 (F) 04 - 227 2464
<b>SEBERANG JAYA</b> YB Dr. Afif Bahardin	(T) 04 - 390 5109
<b>BUKIT TAMBUN</b> YB Law Choo Kiang <a href="mailto:lawchookiang@penang.gov.my">lawchookiang@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 588 0818 (F) 04 - 588 0885
<b>AIR ITAM</b> YB Wong Hon Wai <a href="mailto:wonghonwai@penang.gov.my">wonghonwai@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 828 0926 (F) 04 - 828 0926
<b>BERAPIT</b> YB Ong Kok Fooi <a href="mailto:ongkokfooi@penang.gov.my">ongkokfooi@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 530 8476
<b>MACHANG BUBOK</b> YB Lee Khai Loon <a href="mailto:klee78@gmail.com">klee78@gmail.com</a>	(T) 013 - 399 0519 (F) 04 - 551 1442
<b>TANJONG BUNGAH</b> YB Teh Yee Cheu <a href="mailto:dappenang.cagw.teh@gmail.com">dappenang.cagw.teh@gmail.com</a>	(T) 04 - 899 9581
<b>JAWI</b> YB Soon Lip Chee <a href="mailto:dunjawi@hotmail.com">dunjawi@hotmail.com</a>	(T) 04 - 594 1163 (F) 04 - 594 3163
<b>PENGKALAN KOTA</b> YB Lau Keng Ee <a href="mailto:dappengkalankota@gmail.com">dappengkalankota@gmail.com</a>	(T) 04 - 250 1521 04 - 250 1522 (F) 04 - 250 1523
<b>BAGAN DALAM</b> YB Tanasekharan a/l Autheraphy <a href="mailto:atana@first.net.my">atana@first.net.my</a>	(T) 04 - 323 5870 (F) 04 - 323 5870
<b>KEBUN BUNGA</b> YB Cheah Kah Peng <a href="mailto:kebunbunga24@gmail.com">kebunbunga24@gmail.com</a>	(T) 04 - 826 5451 (F) 04 - 826 5451
<b>SUNGAI BAKAP</b> YB Hj. Makhtar Hj. Shapee <a href="mailto:adunan.dunsrgbakap@yahoo.com">adunan.dunsrgbakap@yahoo.com</a>	(T) 04 - 582 7549 (F) 04 - 582 8648
<b>KOMTAR</b> YB Teh Lai Heng <a href="mailto:komtarN28@gmail.com">komtarN28@gmail.com</a>	(T) 04 - 227 7068 (F) 04 - 227 7068
<b>PAYA TERUBONG</b> YB Yeoh Soo Hin <a href="mailto:clementyeoh@hotmail.com">clementyeoh@hotmail.com</a>	(T) 04 - 827 8868
<b>PULAU TIKUS</b> YB Yap Soo Huey <a href="mailto:yapsoohueydap@gmail.com">yapsoohueydap@gmail.com</a>	(T) 04 - 226 5217 (F) 04 - 227 5217
<b>PERMATANG PASIR</b> YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man <a href="mailto:adunptgpasir@gmail.com">adunptgpasir@gmail.com</a>	(T) 04 - 398 4226 (F) 04 - 398 4226
<b>BUKIT TENGAH</b> YB Ong Chin Wen <a href="mailto:pkrbkttengah@gmail.com">pkrbkttengah@gmail.com</a>	(T) 04 - 508 3977 (F) 04 - 508 3677
<b>PENANTI</b> YB Dr. Norlela Ariffin <a href="mailto:norlela.ariffin@gmail.com">norlela.ariffin@gmail.com</a>	(T) 04 - 538 2871 (F) 04 - 538 4871
<b>SUNGAI PINANG</b> YB Lim Siew Khim <a href="mailto:dapsungainpinang@hotmail.com">dapsungainpinang@hotmail.com</a>	(T) 04 - 282 6630
<b>BATU UBAN</b> YB Dr. T. Jayabalan <a href="mailto:drjayabalan@gmail.com">drjayabalan@gmail.com</a>	(T) 04 - 656 2605 (F) 04 - 656 0699
<b>SERI DELIMA</b> YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji <a href="mailto:rsnrayer@gmail.com">rsnrayer@gmail.com</a>	(T) 04 - 659 5611 (F) 04 - 659 6611
<b>DAP PENANG HQ</b> <a href="mailto:dappg@streamyx.com">dappg@streamyx.com</a>	(T) 04 - 228 8482 (F) 04 - 228 8514
<b>PAS PENANG HQ</b>	(T) 04 - 575 5584
<b>PKR PENANG HQ</b>	(T) 04 - 397 0115

NAMA ADUN	No Tel/ No Faks
<b>PENAGA</b> YB Mohd. Zain Ahmad	(T) 04 - 351 5825
<b>BERTAM</b> YB Shariful Azhar Othman	(T) 012 - 411 4690 (F) 04 - 575 8670
<b>PINANG TUNGGAL</b> YB Datuk Haji Roslan Saidin	(T) 04 - 398 3555 (F) 04 - 397 3555
<b>PERMATANG BERANGAN</b> YB Omar Abd. Hamid	(T) 04-573 4630 (F) 04-573 4630
<b>SUNGAI DUA</b> YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor	(T) 04 - 575 7454
<b>TELOK AIR TAWAR</b> YB Datuk Jahara Hamid <a href="mailto:jahara.hamid@gmail.com">jahara.hamid@gmail.com</a>	(T) 04 - 351 2873 (F) 04 - 351 4389
<b>SUNGAI ACHEH</b> YB Datuk Mahmud Zakaria <a href="mailto:datomahmud@umpangroup.com.my">datomahmud@umpangroup.com.my</a>	(T) 04 - 593 3100 (F) 04 - 593 9529
<b>BAYAN LEPAS</b> YB Nordin Ahmad	Sedang dikemaskini
<b>PULAU BETONG</b> YB Muhamad Farid Saad	(T) 04 - 866 4202 (F) 04 - 866 4202
<b>TELUK BAHANG</b> YB Shah Haedan Ayoob	(T) 04 - 866 1760 (F) 04 - 866 1821

PEGAWAI PENYELARAS KADUN	No Tel/ No Faks
<b>PENAGA</b> Ridwan Osman <a href="mailto:ridwan_wan48@yahoo.com">ridwan_wan48@yahoo.com</a>	013-499 5068
<b>BERTAM</b> Asrol Sani Abdul Razak <a href="mailto:asrolsani2006@gmail.com">asrolsani2006@gmail.com</a>	013-580 6981
<b>PINANG TUNGGAL</b> Muhsadey Muhamad <a href="mailto:hadiputra78@yahoo.com">hadiputra78@yahoo.com</a>	019-437 2887
<b>PERMATANG BERANGAN</b> Arshad Md. Salleh <a href="mailto:arshad.salleh@yahoo.com">arshad.salleh@yahoo.com</a>	019-510 2633
<b>SUNGAI DUA</b> Zahadi Mohd. <a href="mailto:zahadi55@yahoo.com">zahadi55@yahoo.com</a>	019-507 3828
<b>TELOK AIR TAWAR</b> Norhayati Jaafar <a href="mailto:yatie7119@yahoo.com.my">yatie7119@yahoo.com.my</a>	019-433 7119
<b>SUNGAI ACHEH</b> Azmi Samsudin <a href="mailto:azmikeadilan@gmail.com">azmikeadilan@gmail.com</a>	012-594 1515
<b>BAYAN LEPAS</b> Jamaludin Said <a href="mailto:udinmtd@gmail.com">udinmtd@gmail.com</a>	019-413 0799
<b>PULAU BETONG</b> Hj. Mohd Tuah Ismail <a href="mailto:tuhismail@yahoo.com">tuhismail@yahoo.com</a>	019-570 9500
<b>TELUK BAHANG</b> Halil Sabri Hamid <a href="mailto:halilsabri.hsh@gmail.com">halilsabri.hsh@gmail.com</a>	017-460 4849

Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

POLIS & AMBULANS	999	JPJ	04-656 4131
BOMBA	994		04-398 8809
DIREKTORI TELEFON	103	JABATAN PENDAFTARAN	04-226 5161
OPERATOR ANTARABANGSA	101		
PENYELAMAT	991		
BIRO PENGADUAN AWAM	04-263 6893	PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)	04-263 1166
SEKRETARIAT KERAJAAN	04-262 1957	TOURISM MALAYSIA	04-261 0058
NEGERI		KERETAPI BUKIT BENDERA	04-828 8880
KASTAM	04-262 2300	FERI (GEORGETOWN) ( BUTTERWORTH)	04-210 2363 04-310 2377
IMIGRESEN	04-250 3419	JAMBATAN PP	04-398 7419
WCC (Women's Centre for Change)	04-228 0342	STESEN KERETAPI BUTTERWORTH	04-261 0290
Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang)	04-398 8340		
EPF	04-226 1000	PERSATUAN PERLINDUNGAN	04-829 4046
SOCSCO	04-238 9888	KANAK-KANAK	
		CAP	04-829 9511
		BEFRIENDERS PENANG	04-281 5161 04-281 1108
		PERPUSTAKAAN PP	04-229 8555

## **PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS**

N1	Penaga	: 011-1060 8823	- Shukri		Bungah	: 011 - 12441069	- Hezreen	
N2	Bertam	: 019 - 593 3736	- Fatimah		Air Putih	: 04 - 829 0614	- Hong Kian Beng	
N3	Pinang	: 017 - 424 9371	- Tasrin		N24	Kebun Bunga	: 012 - 493 3342	- Cheng Kok Eong
N4	Tunggal Permatang Berangan	: 019 - 556 4664	- R.M. Reza		N25	Pulau Tikus	: 017 - 956 3237	- Quah
N5	Sungai Dua	: 013 - 595 6865	- Rosli Man		N26	Padang Kota	: 012 - 431 7015	- Johnny Chee
N6	Telok Air Tawar	: 013 - 598 1435	- Raudzey Razali		N27	Pengkalan Kota	: 012 - 401 1522	- Ch'ng Chin Keat
N7	Sungai Puyu	: 012 - 480 5495	- Mr.Lee		N28	KOMTAR	: 012 - 423 3227	- Benji Ang
N8	Bagan Jermal	: 013 - 449 0366	- Yeap Choon Keong		N29	Datok Keramat	: 017 - 480 7417	- Varinder
N9	Bagan Dalam	: 016 - 473 1963	- Gesan		N30	Sungai Pinang	: 04 - 226 2464	- Kalvinder
N10	Seberang Jaya	: 04 - 390 5109	- Nor Hayati Mohd. Iskander		N31	Batu Lancang	: 04 - 282 6630	- Shuen
N11	Permatang Pasir	: 019 - 412 8442	- Kamal		N32	Seri Delima	: 019 - 4474362	Mahen
		: 013 - 595 6865	- Rosli				: 012 - 5242549	James
N12	Penanti	: 04 - 538 2871	- Tira		N33	Air Itam	: 012 - 4730736	Anne
		: 04 - 538 3871					: 016 - 4940705	Janet
N13	Berapit	: 016 - 401 3507	- Mr.Lim		N34	Paya Terubong	: 012 - 484 1963	Toon Hoon Lee
		: 017 - 446 1817	- Yeoh Ee Yee				: 016 - 205 1185	Frankie Kee
N14	Machang Bubuk	: 012 - 474 0964	- Andrew Chin		N35	Batu Uban	: 016 - 480 0232	Jalai
		: 012 - 473 0964	- Ikhwan				: 016 - 487 8602	Khairul
N15	Padang Lalang	: 017 - 552 8928	- Chan				: 016 - 444 3550	Sathyia
		: 014 - 945 9786	- Lai		N36	Pantai Jerejak	: 04 - 646 4700	Aliff / Shamsudin
N16	Perai	: 04 - 399 6689	- Selvi		N37	Batu Maung	: 019 - 498 1096	Amirulzaman
N17	Bukit Tengah	: 013 - 518 8735	- Lim Tuan Chun				: 016 - 428 6158	Danny Ho
N18	Bukit Tambun	: 016 - 404 9120	- G.Dumany		N38	Bayan Lepas	: 016 - 599 2918	Saifullizan
		: 017 - 378 4448	- Khor		N39	Pulau Betong	: 012 - 422 4935	Zulkiflee
N19	Jawi	: 017 - 408 4784	- Abdul Halim				: 017 - 521 2441	Jaafar Mahshar
		: 012 - 456 5018	- Mr. Khor		N40	Telok Bahang		
N20	Sungai Bakap	: 019 - 552 8689	- Norjuliana					
		: 012 - 542 4454	- Hasbullah					
N21	Sungai Acheh	: 010 - 929 6603	- Ariff Baseri					
N22	Tanjong	: 012 - 465 0021	- Tina					

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS  
MPSP 2014**

Nama	Telefon
MPSP	04 - 549 7555
Mohd Shaipol Ismail (DAP)	012 - 552 4791
Chandrasekeran a/l S. Maniam (DAP) <a href="mailto:chanderasekeran@mpsp.gov.my">chanderasekeran@mpsp.gov.my</a>	012 - 5619870
Loh Joo Huat (DAP) <a href="mailto:jhloh@mpsp.gov.my">jhloh@mpsp.gov.my</a>	012 - 422 1133
Tan Chong Hee (DAP)	019 - 411 5598
Tan Chee Teong (DAP)	012 - 401 7718
Michael Tan Cheong Heng (DAP)	012 - 487 3101
P. David Marshel (DAP)	019 - 412 3397
H'ng Mooi Lye (DAP)	012 - 425 2602
M.Satees (DAP)	016 - 438 4767
Chong Pei Pei (DAP)	012 - 476 7729
Ong Eu Leong (PKR)	010 - 770 0508
Rezal Huzairi Md Zaki (PKR)	017 - 409 7702
Abdul Jalil Che Ros (PKR)	013 - 489 3227
Shafiqah Shobha Abdullah (PKR)	016 - 496 1659
Rajasegar a/l Govindasamy (PKR)	019 - 411 7051
Zulkifli Ibrahim (PKR)	018 - 576 1622
Zulkiefly Saad (PKR)	013 - 436 2848
Mohd Rizal Abd Hamid (PKR)	012 - 424 3878
Ho Leng Hong (PKR)	017 - 487 2767
Omar Hassan (PAS)	019 - 571 8031
Ahmad Kaswan Kassim (PAS) <a href="mailto:ahmadkaswan@mpsp.gov.my">ahmadkaswan@mpsp.gov.my</a>	019 - 408 4899
Wong Chee Keet (NGO)	012 - 451 1312
Dr. Tiun Ling Ta (NGO) <a href="mailto:itiun@mpsp.gov.my">itiun@mpsp.gov.my</a>	04-508 0039 (Tel) 04-657 0918 (Fax)
Ahmad Tarmizi Abdullah (NGO)	013 - 414 4822

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS  
MPPP 2014**

Nama	Telefon
MPPP	04 - 259 2020
Tan Hooi Peng (DAP)	012 - 498 6212
Harvindar a/l Darshan Singh (DAP)	012 - 428 2250
Ong Ah Teong (DAP)	012 - 410 6566
Tay Leong Seng (DAP)	019 - 321 9392
Gooi Seong Kin (DAP)	016 - 457 1271
Sukumar a/l Subramaniam (DAP)	019 - 442 2113
Joseph Ng Soon Siang (DAP)	012 - 423 9143
Tan Kim Hooi (DAP)	016 - 438 7855
Lee Chun Kit (DAP)	012 - 519 2152
Mohd Harisuan Jaharudin (DAP)	013 - 379 6019
Francis a/l Joseph (PKR)	012 - 474 3321
Muhammad Sabri Md. Osman (PKR)	013 - 432 0207
Ahmad Azrilal Tahir (PKR)	012 - 498 4556
Kumaresan a/l Arumugam (PKR)	014 - 945 9621
Tan Chiew Choon (PKR)	019 - 470 4499
Muhammad Bakhtiar Wan Chik (PKR)	019 - 470 8811
Lim Boon Beng (PKR)	012 - 564 4400
Nur Zarina Zakaria (PKR)	011 - 1578 5098
Izsuree Ibrahim (PAS)	016 - 443 3205
Mhd Nasir Yahya (PAS)	012 - 402 6739
Dr. Lim Mah Hui(NGO)	012 - 422 1880
Eric Lim Seng Keat (NGO)	016 - 414 3428
Aidi Akhbal Mohd Zainon (NGO)	012 - 464 3004
Mohd Foaz Hamid (NGO)	016 - 422 2225

**Kalendar Pelancongan  
Pulau Pinang Julai 2014**



29hb Jun - 27hb Julai

**Bazaar Ramadan**

Seluruh Negeri

**SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA**

**Penulis:**

YAP LEE YING  
AINUL WARDAH SOHILLI  
ZAINULFAQAR YAACOB  
NORSHAHIDA YUSOFF  
WATAWA NATAF ZULKIFLI

**Jurugambar/Juruvideo:**

CHAN LILIAN  
LAW SUUN TING  
ALISSALA THIAN  
AHMAD ADIL MUHAMAD  
MARK JAMES

**Jurugrafik:**

IDZHAM AHMAD  
LOO MEI FERN

sertai kami melalui "**sms blast**",  
taip "**ADD ME**" 010 333 1758

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:


**Editor BULETIN MUTIARA,**

Tingkat 47, Komtar,  
10503 Pulau Pinang.

Emel: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

**Talian Pejabat**

04 - 650 5561, 04 - 650 5559,  
04 - 650 5705, 04-650 5375, 04 - 650 5256





**TIMBALAN Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon (depan, kiri sekali)** menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima pada Program Nur Ramadan 1435H.



**WAKIL-wakil** salah sebuah syarikat korporat menunjukkan bungkusan bubur lambuk yang bakal diedarkan kepada orang ramai pada Majlis Perasmian dan Pelancaran Penang Souq Ramadan 2014.



**EXCO Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan** yang juga ADUN Datuk Keramat, Jagdeep Singh Deo (dua dari kanan) sambil ditemani para penduduk Kampung Dodol menunjukkan tanda bagus selepas selesai majlis penyerahan ayam dan rempah untuk dimasak sebagai juadah berbuka puasa pada Program Dekati Rakyat.





KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri bergambar kenangan bersama-sama para penerima anugerah penghargaan pada Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang SPM Tahun 2013.



AHLI Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Anwar Ibrahim (dua dari kanan) menyempurnakan pelancaran Majlis Pecah Masjid Baru Batu Maung.



ISTERI Tuan Yang di-Pertua Negeri, Toh Puan Majimor Shariff (dua dari kiri) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima pada Program Nur Ramadan & Pembayaran Zakat Korporat.



PARA jemputan sedang asyik membaca Buletin Mutiara sementara menunggu bermulanya Majlis Penyampaian Sumbangan Ihya' Ramadan Kepada Surau di Parlimen Permatang Pauh.

# Hanya berurusan dengan ejen ada tag rasmi MIEA

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri menggesa para pembeli rumah dan ejen-ejen harta tanah untuk sama-sama membantu pihak berkuasa memburu ejen-ejen harta tanah yang tidak berlesen bagi mengekang sebarang penipuan berhubung urusan jual beli berkaitan.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, sekiranya para pembeli berhadapan dengan ejen-ejen harta tanah tidak berlesen, golongan terbabit wajar segera membuat laporan polis untuk menghalang mereka menipu lebih ramai pembeli rumah lain.

“Saya memohon kerjasama semua pihak untuk segera membuat laporan polis sekiranya berdepan dengan ejen-ejen tidak berlesen ini supaya mereka (ejen tidak berlesen) menerima mesej yang jelas bahawa sesiapa didapati bersalah akan diambil tindakan tanpa toleransi,” katanya dalam sidang media sejurus selepas Majlis Perasmian Malaysian Secondary Property Exhibition (Maspex) 2014 di sini baru-baru ini.

Menurut Jagdeep, walaupun negara mempunyai satu akta jelas terhadap ejen-ejen harta tanah yang tidak berlesen pada 1981, namun sehingga hari ini, tiada seorang pun disabitkan kesalahan di bawah akta tersebut.

“Ejen-ejen harta tanah tidak berlesen yang menjalankan broker harta tanah secara haram boleh didakwa di bawah Akta 242, Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah 1981.

“Di bawah Seksyen 30 akta tersebut, pesalah boleh dikenakan denda tidak melebihi RM25,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan dan boleh didenda tambahan sebanyak RM500 bagi setiap hari semasa kesalahan itu berterusan,” tegas beliau.

Dalam pada itu, Presiden Institut Ejen Harta Tanah Malaysia (MIEA), Siva Shanker dalam ucapannya memberitahu bahawa ramai pembeli rumah mengadu kepada MIEA berkaitan kes penipuan pembelian (rumah) dengan ejen-ejen tidak berlesen.

“Kami (MIEA) telah banyak menerima aduan kes di mana ejen hilang setelah mendapat bayaran duit muka, bayaran komisen



JAGDEEP Singh Deo (dua dari kanan) menunjukkan salah satu contoh rumah untuk dijual pada Maspex 2014 di sini baru-baru ini.

lebih tinggi dikenakan sehingga melebihi kadar komisen tiga peratus yang dibenarkan,” jelasnya.

Selaras itu, Siva juga mengisyiharkan ‘perang’ terhadap ejen harta tanah haram yang selama ini menjadi duri dalam daging kerana tidak dikawal selia oleh mana-mana badan rasmi berkaitan harta tanah.

Beliau turut menjelaskan bahawa semua ejen harta tanah berkelayakan dan berlesen kini

dikehendaki berdaftar dengan MIEA bagi memperoleh tag rasmi untuk membuktikan bahawa mereka adalah ejen harta tanah yang sah.

“Lebih 10,000 tag telah dikeluarkan MIEA supaya pembeli rumah lebih berhati-hati apabila berurusan dengan ejen harta tanah.

“Ingat, hanya berurusan dengan ejen-ejen yang mempunyai tag rasmi MIEA sahaja untuk mengelakkan sebarang transaksi tidak sah,” tegas Siva.

## Pendekatan tiga serampang kekang aliran keluar bakat

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN** – Lebih daripada 2 juta rakyat Malaysia telah meninggalkan negara ini sejak Merdeka (1957), didorong bukan hanya kerana gaji yang lebih tinggi, sebaliknya, majoritinya disebabkan dasar-dasar perikemanusiaan luar negara yang tertumpu kepada keadilan, hak asasi manusia, demokrasi, integriti dan kerja keras.

Fakta tersebut dinyatakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada Forum Brain Drain – Who Gains? Who Sacrifices? bertempat di sini baru-baru ini.

Menurut beliau, dalam menjadikan Malaysia sebuah negara berpendapatan tinggi, ia adalah agak sukar ekoran kadar penghijrahan tenaga

mahir yang tinggi dalam kalangan rakyat tempatan.

“Mengikut rekod Bank Dunia, kadar penghijrahan tenaga mahir Malaysia adalah tinggi iaitu sekitar 10.5 peratus, sebaliknya, purata global hanya 6.5 peratus.

“Hasilnya, Malaysia berhadapan dengan fenomena dikenali sebagai kemahiran keluar atau *brain drain*.

“Secara tidak langsung, situasi ini akan memberi impak risiko negara terjerat dalam perangkap pendapatan sederhana selama-lamanya,” katanya pada forum anjuran *Penang Skills Development Centre* (PSDC) bersama dengan *Penang Institute* (PI) baru-baru ini di sini.

Hadir sama, Pengarah Eksekutif PI merangkap Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari.

Menurut Guan Eng, kerugian penghijrahan rakyat Malaysia yang meninggalkan negara telah diburukkan lagi oleh kemasukan dan penggantian sehingga 5 juta pekerja tidak mahir dari Bangladesh, Indonesia, Myanmar dan Vietnam.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri mengambil langkah meningkatkan bilangan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi di sini dengan menumpukan kepada pengembangan, pembangunan sektor pembuatan dan perkhidmatan.

“Dalam usaha mengekang aliran keluar bakat, Kerajaan Negeri telah menerima pakai pendekatan tiga serampang untuk membina bakat manusia



SEBAHAGIAN peserta yang hadir pada Forum Brain Drain – Who Gains? Who Sacrifices? anjuran PSDC dan PI di sini baru-baru ini.

dengan memberikan peruntukan tahunan kepada sekolah, menarik universiti bertaraf dunia dan memperkenalkan sistem pendidikan vokasional dan penekanan pengajaran STEM (Sains, Teknologi, Bahasa Inggeris dan Matematik),” jelas beliau.



## BAHAGIAN PERUMAHAN, PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG. SENARAI LOT-LOT BUMIPUTERA UNTUK DIJUAL

BIL	NAMA PEMAJU	LOKASI	NAMA PROJEK	JENIS PEMAJUAN	HARGA SEUNIT	HARGA SELEPAS POTONGAN 5%	BAKI UNIT KUOTA BUMIPUTERA	PEGAWAI PERHUBUNGAN
1.	Six Eleven Assets Group Sdn. Bhd. 62, Lebuh Gelugor 11600 Pulau Pinang No. Tel : 04-6591659 / 3659 No. Fax : 04-6594659	Di Atas Lot 988,989,1036-1058,1341 Dan 1470, Bandar Jelutong Lintang Gelugor / Taman Gelugor Daerah Timur Laut Pulau Pinang.	Taman Ghee Hiang	Rumah Teres 3 Tingkat (Type A)  Rumah Teres 3 Tingkat (Type B)  Rumah Teres 3 Tingkat (Type C)	RM1,898,000.00 - RM3,388,000.00  RM1,918,000.00 - RM3,288,000.00  RM1,618,000.00 - RM2,488,000.00	RM1,803,100.00 - RM3,218,600.00  RM1,822,100.00 - RM3,123,600.00  RM1,537,100.00 - RM2,363,600.00	4  3  1	Tan Teik Keong
2.	Sierra Residences (M) Sdn. Bhd. Lot 30, Persiaran Relau 11900 Bayan Lepas Pulau Pinang No. Tel : 1700 818 932 No. Fax : 04-6467932	Di Atas Sebahagian Lot 608, Mukim 10, Jalan Kg. Batak, Relau Daerah Barat Daya Pulau Pinang.	Sierra Residences	Kos Tinggi Jenis A  Kos Sederhana Jenis A  Kos Sederhana Jenis B  Kos Sederhana Jenis C  Kedai / Pejabat Unit Tengah  Kedai / Pejabat Unit Hujung	RM395,000.00  RM293,800.00  RM275,000.00  RM191,000.00  RM470,444.00  RM916,222.00	RM375,250.00  RM279,110.00  RM261,250.00  RM181,450.00  RM446,921.80  RM870,410.90	33  20  11  20  5  1	Aziela
3.	Thunderflash Realty Sdn. Bhd. Wisma Thunderflash No. 8, Jalan Mutiara 6 Taman Perindustrian Plentong 81750 Johor Bahru Johor	Di Atas Lot 1343, Mukim 14 Seberang Perai Tengah Pulau Pinang.	Pusat Perniagaan Permai Utama	Kedai/Pejabat 2 Tingkat	RM640,000.00 - RM1,299,000.00	RM608,000.00 - RM1,234,050.00	3	Ooi Hui Wen



## TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453  
Layarilah Laman Web : <http://www.penang.gov.my>

Pentadbiran ini dalam usaha mengesahkan semula pinjaman dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.

(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)

No Akaun Peminjam	: 9688 SITI NORLINA BINTI SAMSUDIN - 85112075978 1636 MUKIM 14, BUKIT MINYAK 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 9735 SITI MARIAM BINTI ABD KADIR - 841225075326 1B-05-04 MUTIARA IDAMAN 1, SOLOK TENGKU 11600 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 9755 OO TONG CHUAN - 801227075729 NO.11A LORONG MERBAH 1, TAMAN MERBAH 14300 NIBONG TEBAL, SPS	No Akaun Peminjam	: 9762 SITI SALWA BINTI MARZUKI - 851029075256 NO.1113 GUAR KEPAH 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1	: ELIAS BIN SAMSUDIN - 710821075875 1636 MB 14, BUKIT MINYAK 14000 BUKIT MERTAJAM, SEBERANG PERAI TENGAH	Penjamin 1	: ABDUL KADIR BIN ABDULLAH - 520510715663 1B-5-04 MUTIARA IDAMAN 1, SOLOK TENGKU 11600 PULAU PINANG	Penjamin 1	: GOH HUN KHOON - 720509075079 NO.2845 KUBANG SEMANG 14000 BUKIT MERTAJAM, SEBERANG PERAI TENGAH	Penjamin 1	: MAT ALIM BIN MD ZIN - 531203075305 5330 PERMATANG TINGGI, BAKAR BATA 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2	: SHAHRUL NIZAM BIN SHARI - 720503086009 124 PARIT HAJI AMAN ATAS, 34300 BAGAN SERAI, PERAK	Penjamin 2	: KHAMARUDIN BIN DAUD - 620919075671 33-06-05 VILLA SRI MELATI, JALAN PADANG TEMBAK 11400 PULAU PINANG	Penjamin 2	: WONG TEIK SENG - 760728075171 D18 624A LINTANG TENGGIRI, SEBERANG JAYA 13700 PERAI	Penjamin 2	: MOHD SHUKRI BIN MARZUKI - 770217075697 NO. 6625 GUAR KEPAH 13200 KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA
No Akaun Peminjam	: 9805 ZAHARA BINTI ISMAIL - 751116075782 5-10-09 JALAN BATU UBAN 3, GELUGOR 11700 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 9842 PRAMITHAA/P SUBRAMANIAM - 810707075298 64 LORONG IMPIAN INDAH 1, TAMAN IMPIAN INDAH, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 9922 LIM CHONG LEONG - 840125075295 75-12-25 JALAN PENAWAR 1, SRI WANGSA 1, 11600 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 9934 MOHD MUA LIMIN BIN AB JALIL - 840820075289 PLOT 11 FASA 1-B, KAMPUNG TERUSUN, JALAN PADANG BENGKALI 13050 BUTTERWORTH
Penjamin 1	: ABDUL MALIK BIN CHE ROSE - 530718075027 (MENINGGAL DUNIA) PUTUS PENGAJIAN SAINS FARMASI, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA 11800 MINDEN, PULAU PINANG	Penjamin 1	: RAJESWARA A/P CARUPAYA - 640107075316 169 JALAN MEWAH 5, TAMAN MEWAH, FASA II, 09600 LUNAS, KEDAH	Penjamin 1	: MOEY FOONG HAR - 780712075474 7D-8-14, JALAN LEBUHRAYA THEAN TEIK 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG	Penjamin 1	: ABDUL JALIL BIN CHE PIN - 520517075339 PLOT 11 FASA 1-B, KG TERUSUN, JALAN PADANG BENGKALI 13050 BUTTERWORTH
Penjamin 2	: MUHAMAD FAIZAL BIN ISMAIL - 750825075465 NO. 45 LORONG PERMATANG PASIR 1, TAMAN MANGGIS INDAH, BALIK PULAU 11000 PULAU PINANG	Penjamin 2	: YEAP HOOI KUAN - 760513075174 NO. 18 LINTANG KOTA PERMAI 19, TAMAN KOTA PERMAI 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: 362-12-7 GAT MACALLUM STREET 10300 PULAU PINANG	Penjamin 2	: MOHD RIZAL BIN IBRAHIM - 730423075499 44 LORONG TELUK AIR TAWAR 1, TAMAN AIR TAWAR INDIAH 13050 BUTTERWORTH
No Akaun Peminjam	: 10100 SYED MOHD ANIS AZRAIE BIN SYED SHAARI - 831223086065 35 JALAN LAHAT 10450 GEORGETOWN, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 10211 MIMA MELISA BINTI SHAHBAN - 811203715006 38-9-9 PANGSAPURI CENTURY, TAMAN CENTURY 11700 GELUGOR, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 10220 MOHD FAIZAL BIN WAN CHEK - 810524075455 134 MK 12, TELUK TEMPOYAK, BATU MAUNG 11960 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 10264 SITI SARAH BINTI AHMAD - 860314355200 4205 JALAN PERMATANG BENDAHARI 13110 PENAGA, SPU
Penjamin 1	: SYED SHAARI BIN SYED ABDULLAH - 57071108629 4352 LORONG SERAMPAN 3, TAMAN RIA JAYA, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH	Penjamin 1	: SAKINAH BT ABD WAHAB - 510505075252 31 JALAN PASIR BELANDA, MK 9, TELOK KUMBAR, BAYAN LEPAS 11920 PULAU PINANG	Penjamin 1	: ZAHARI BIN ISHAK - 620430075721 105 JALAN 3/3 SEKSYEN 3 TAMBAHAN, TAMAN BANGI 3, BANDAR BARU BANGI 43650 SELANGOR	Penjamin 1	: YUSOF BIN OMAR - 730306075721 916 JALAN BP1 2/1, SEKSYEN 2, BANDAR PUTERI JAYA 08000 SG PETANI, KEDAH
Penjamin 2	: WAN MOHD ASYID BIN MAT - 750109087115 NO.127 JALAN CENDANA, TAMAN CENDANA, KULIM 09000 KEDAH	Penjamin 2	: BAH. PENTADBIRAN, THE STAR PUBLICATIONS, 17 LORONG MA AROF, BANGSAR 59000 KUALA LUMPUR	Penjamin 2	: MD NIZAM BIN WAN CHEK - 720530075639 134 BLOCK K, MUKIM 12, TELOK TEMPOYAK, BATU MAUNG 11960 PULAU PINANG	Penjamin 2	: NORSAHIRA BINTI ABD GHANI - 781013075170 1887 PADANG BENGKALI, TELOK AIR TAWAR 13050 BUTTERWORTH
No Akaun Peminjam	: 10276 LIM CHAN HONG - 850529075223 NO.43 TINGKAT SERINDIT 6, TAMAN DESA JAWI 14200 SUNGAI JAWI, SPU	No Akaun Peminjam	: 10403 DIAUDDIN BIN MOHAMED ALI - 851223075399 399-4-4 TAMAN DATO SYED ABBAS, JELUTONG 11600 GEORGE TOWN, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 10479 HASLAMI HAZWAN BIN HAMZAH - 861206355363	No Akaun Peminjam	: 10483 KOAY CHIN LAM - 860101075387 1062-17-04 GREEN GARDEN, JALAN PAYA TERUBONG 11060 AYER ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 1	: LIM SOOK BOYE - 560725085327 111 JALAN HARUAN 2, TAMAN HARUAN, KELANG LAMA 09000 KULIM, KEDAH	Penjamin 1	: MOHAMED ALI BIN NAGOOR MEERAH - 550810075247	Penjamin 1	: 134 MK 12, TELUK TEMPOYAK, BATU MAUNG 11960 PULAU PINANG	Penjamin 1	: KOAY EE PENG - 810718075584 27-12A-01 LENGGOK NIPAH 2, TAMAN JUBILEE, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 2	: YEOH ENG TATT - 781214075951 9B-22-16 JALAN VAN PRAAGH, BANDAR JELUTONG 11600 PULAU PINANG	Penjamin 2	: CHINNASAMY A/L RAMASAMY - 530507075203 (MENINGGAL DUNIA) III B-1-9 TAMAN TUN SARDON 11700 GELUGOR, PULAU PINANG	Penjamin 2	: ZHARHUL IZEWAN BIN ISMAIL - 801124025745 F556 KAMPUNG PANTAI PRAI 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH	Penjamin 2	: KOAY EE LING - 771225075982 27-12A-01 LENGGOK NIPAH 2, TAMAN JUBILEE, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 10492 PUTERI NOOR SAFURA BINTI MEGAT MAHMUD - 860514355264 BLOK F-01-U-03, FASA R8, JALAN P18L, PRESINT 18, 61200 PUTRAJAYA	No Akaun Peminjam	: 10507 K RANJINI A/P KALIDASS - 781127025606 NO.1 LORONG PALA SATU, TAMAN USAHA, PERMATANG TINGGI 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 10540 NORAZAH BINTI AZIZAN - 831202075658 30 LORONG DESA PALMA SATU, TAMAN DESA PALMA, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 10569 NEELAVANAN A/L MATHIALAGAN - 840926075957
Penjamin 1	: MEGAT BASRI BIN MEGAT OTHMAN - 660601085219 LOT 2801 KAMPUNG PADANG LUAS 22000 JERTEH, TERENGGANU	Penjamin 1	: SANTHA KUMARI A/P NP RAJENDRAN - 620624086058	Penjamin 1	: MAZITA BINTI MOHAMED IBRAHIM - 640329075792	Penjamin 1	: BLOK 5-10-2 DESA MAWAR, LINTANG KAMPUNG MELAYU 2, FARLIM 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 2	: MOHAMAD NAZRI BIN HASHIM - 651128075693 A-1-14 LORONG SENTUL 12, TAMAN BUKIT MINYAK INDAH 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: KALIDASS A/L PAPPADURAI - 510907075319 NO. 1 LORONG PALA 1, TAMAN USAHA, PERMATANG TINGGI 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: ZANARIAH BINTI AHMAD - 650810705360 11A LRG PINGGIRAN ALMA 5, TAMAN PINGGIRAN ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: MATHIALAGAN A/L N RAMASAMY - 541022025623 68-4-3 PANGSAPURI MESRA, JALAN LIM KHOON HUAT 10460 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 10588 IRYANTI BINTI MOHAMAD DESA - 870515075204 225, JALAN SHAIK EUSSOFF, AIR ITAM 11400 AIR ITAM, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 10676 MUHAMMAD FITRI BIN ZAKARIA - 850513075173	No Akaun Peminjam	: 10714 NURUL SHAZMIRA BINTI ABDUL RAHMAN - 860116386428	No Akaun Peminjam	: 10823 NITTINYASSRI A/P MARDAMUTHU - 820216075292
Penjamin 1	: IRYANI BINTI MOHAMAD DESA - 761010075548 11400 AIR ITAM, PULAU PINANG	Penjamin 1	: ZAKARIA BIN HAJEEED - 560215025703	Penjamin 1	: 16C-1-8 BLOK TERATAI, LINTANG SUNGAI BURUNG 1, KEDIAMAN POLIS 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG	Penjamin 1	: BLOK B-15 TAMAN RATHINA, SIMPANG TIGA 13300 TASEK GELUGOR, SPU
Penjamin 2	: ZULKIFLEE BIN HASSAN - 700814075309 NO. 225 JALAN SHAIK EUSSOFF 11400 AIR ITAM, PULAU PINANG	Penjamin 2	: ZUNAINI BINTI MOHD SAAD - 610630715368 19 PINTASAN BAHAGIA 10, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 2	: MUHAMAD HARMY BIN BAHARUDIN - RF138336 CAWANGAN JSJ, IPK PULAU PINANG, JALAN PENANG 10760 PULAU PINANG NORDIN BIN AMIR - RF148127 IBU PEJABAT POLIS DAERAH SANDAKAN 90004 SANDAKAN, SABAH	Penjamin 2	: MAGASVARI A/P BALAKRISHNAN - 821211025522 NO. 4 LORONG JATI 85D, TAMAN BANDAR BARU, SG LALANG 08100 BEDONG, KEDAH VADIVO A/P ARUMUGAM - 82015085520 NO. 437 LADANG PADANG MEIHA, 09400 PADANG SERAI, KEDAH
No Akaun Peminjam	: 10920 SAABAN HAFIZH BIN ABD HAMID - 780705075409 2-U JALAN SULTAN AZLAN SHAH 11950 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 10963 NORHAYATI BINTI SULAIMAN - 860122265200 2490 JALAN PADANG BENGKALI, TELUK AIR TAWAR 13050 BUTTERWORTH	No Akaun Peminjam	: 10987 SURAYA FATTANAH BINTI MOHAMED - 880321075352	No Akaun Peminjam	: 10999 FARID WAJID BIN ISHAK - 891031075649 27 PERSIARAN KOTA PERMAI 1, TAMAN KOTA PERMAI
Penjamin 1	: FATHIMAH BINTI AHAMAD ABADI - 791227075378 NO.2-U JALAN SULTAN AZLAN SHAH 11950 BAYAN BARU, PULAU PINANG	Penjamin 1	: HASHIM BIN ABDULLAH - 640404076067 9356 PERMATANG TOK GELAM 13100 PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA	Penjamin 1	: 14000 BUKIT MERTAJAM 25150 KUANTAN, PAHANG	Penjamin 1	: 27 PERSIARAN KOTA PERMAI 1, TAMAN KOTA PERMAI 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2	: NORHAZIFAH BINTI ABD HAMID - 800726075550 BLOK B-1-2 FLATUDA 10470 TANJUNG TOKONG, PULAU PINANG	Penjamin 2	: ABD RANI BIN ISMAIL - 571203025099 178 PERMATANG TOK GELAM, 13100 PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA	Penjamin 2	: SUHANA BINTI MOHAMED - 800325035566 38 JALAN BUKIT JATI 1B, TAMAN BUKIT JATI 41000 KLANG, SELANGOR	Penjamin 2	: ABD MAJID BIN MOHD ISA - 550927075275 1619 MUKIM 10, BUKIT KECIL 14000 BUKIT MERTAJAM
No Akaun Peminjam	: 11029 LIM CHIANG YEONG - 891211075507 NO.1 MEDAN NIPAH, SUNGAI NIBONG 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11045 NALANI A/P RAGUNAZAN - 850409075544 17 PESIRAN PERPADUAN, TAMAN ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 11131 MOHD HUSNI BIN MOHAMED - 851220075035 NO. 1014 PENAGA 13100 PENAGA, SPU	No Akaun Peminjam	: 11220 LIM CHENG MEI - 910626075868 14-E PINTASAN CECIL 1, 10300 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1	: LIM KEAN BAN - 660202075769 NO. 60-8-6 LEBUH NIPAH, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 1	: RAGUNAZAN A/L SUPPIAH - 531019025105 17 PESIRAN PERPADUAN, TAMAN ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: ABDUL HAMID BIN IBRAHIM - 601113075273 1640 JALAN BENDAHARA, TAMAN AIR TAWAR INDAH 13050 BUTTERWORTH	Penjamin 1	: GOH JIN HUAT - 801111075495 BLOK 330-17-8 TAMAN GAMBIER, JALAN BUKIT GAMBIER, GELUGOR 11700 PULAU PINANG
Penjamin 2	: LIM KEAN CHOON - 650128075517 NO. 1 MEDAN NIPAH, SUNGAI NIBONG, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG	Penjamin 2	: THILAGAVATHY A/P RAJOO - 610529106410 37 LORONG SAUJANA PERMAI 5, TAMAN SAUJANA PERMAI 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: SITI HUWAINA BINTI MOHAMED - 800513075104 NO. 1014 PENAGA 13100 PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA	Penjamin 2	: 11211 LIM CHENG IM - 830823075058 BLOK 330-17-8 TAMAN GAMBIER, JALAN BUKIT GAMBIER, GELUGOR 11700 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 11248 MOHAMAD FIDZWAN BIN MAHMAD FAZIL - 900905075159 NO. 3003 PLOT 93 KAMPUNG SURAU (UDA), JALAN TERUBUK, SEBERANG JAYA 13700 PERAI</						

# Perlawanan persahabatan erat hubungan dua pihak

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**DATUK KERAMAT** – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin menunjukkan bakat sebagai seorang penyerang berkaliber apabila berjaya meledakkan satu jaringan gol pada aksi perlawanan persahabatan di sini baru-baru ini.

Beliau yang mewakili pasukan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Ahli-ahli Majlis

Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) serta Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Jelutong memperkenan aksi cemerlang tersebut pada perlawanan persahabatan menentang Persatuan Pengusaha Hotel Malaysia Pulau Pinang (MAH).

Gol tersebut terhasil pada 10 minit menuju penamat separuh masa pertama melalui rembatan kencang oleh ADUN Batu Lanchang, Law Heng Kiang sebelum bola tersebut ‘muntah’ daripada tampanan penjaga gol MAH disambut oleh Timbalan

Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon lalu melorongkan bola kepada Afif.

Perlawanan yang diadakan di Stadium Bandaraya itu kekal satu kosong sehingga tamat separuh masa pertama dengan pasukan diwakili ADUN menyerang bertali arus ke kawasan MAH.

Bersambung separuh masa kedua, kedua-dua pasukan kembali mengasak ke kubu masing-masing sebelum MAH berjaya mendapatkan jaringan penyamaan 15 minit sebelum tamat perlawanan.

Keputusan seri memaksa



**PASUKAN MAH** bergambar kenangan sambil menjulang trofi kemenangan pada perlawanan persahabatan bersama-sama pasukan Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.

sepaikan penalti diambil kedua-dua pasukan sebelum Mohd. Rashid gagal menyempurnakan sepakan penalti terakhir lalu memberikan kemenangan kepada MAH dengan kiraan 5-4 (termasuk jaringan padang).

Menurut Mohd. Rashid, perlawanan persahabatan sebegini dapat mengeratkan lagi hubungan antara Kerajaan

Negeri dengan pengusaha-pengusaha hotel memandangkan industri pelancongan juga merupakan satu cabang ekonomi negeri.

“Perlawanan seperti ini diharap dapat diteruskan dari semasa ke semasa,” tambah beliau ketika ditemui Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Turut beraksi, ADUN Batu Maung, Datuk Abdul Malik Abul Kassim, ADUN Pengkalan Kota, Lau Keng Ee dan Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari.



**AKSI** Mohd. Rashid Hasnon (dua dari kiri) dan Abdul Malik Abul Kassim (kanan sekali) ekoran kejayaan Dr. Afif Bahardin (dua dari kanan) menjaringkan gol perlawanan.

**ZAIRIL KHIR JOHARI** (tiga dari kanan) menggelecek dua pemain MAH.

## TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627

Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : <http://www.penang.gov.my>

Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.

(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)

No Akaun Peminjam	: 11295 : SHAMANI A/P GUNASEGARAN - 880126075066 BLOK 5-15-01 SRI IVORY, LENGKOK ANGSANA, BANDAR BARU AYER ITAM 11600 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11300 : SURIA BINTI SEENI SHAHUL HAMEED - 900627065558	No Akaun Peminjam	: 11303 : NORHASLINDA BINTI MOHAMAD KASIM - 851018075816	No Akaun Peminjam	: 11343 : AHMAD IFTYAZANI BIN ZAMBERI - 910520075819
Penjamin 1	: MAHESH A/P GUNASEGARAN - 86032355536 348-4-1 SRI CAHYA APARTMENT, JALAN AYER ITAM, AYER ITAM 11660 PULAU PINANG	Penjamin 1	: FATIMAH VASANDI BINTI ABDULLAH - 650106075022 B-7-11 JALAN SUNGAI, 10150 GEORGETOWN, PULAU PINANG	Penjamin 1	: MOHAMAD KASIM BIN MOHAMED SAMSUDIN - 620713086391	Penjamin 1	: 1256-R JALAN PAYA TERUBONG, AYER ITAM 11660 PULAU PINANG
Penjamin 2	: SOORIAKUMAWR A/L MUTHUVELU - 530927075357 5-7-01 SRI IVORY, LENGKOK ANGSANA, BANDAR BARU AIR ITAM 11500 PULAU PINANG	Penjamin 2	: ZURIDA BINTI MUSTAPHA - 59120025956 NO.69 JALAN YORK, 10450 PULAU PINANG	Penjamin 2	: AZMAN BIN MOHAMED SAMSUDIN - 640520085809	Penjamin 2	: ZAMBERI BIN HAMZAH - 670524105923
No Akaun Peminjam	: 11346 : MOHD BIYAMIN BIN RAZAK - 860704355409 NO. 28 JALAN ORKID PERMAI, TAMAN ORKID PERMAI, 13200 KEPALA BATAS, SPU	No Akaun Peminjam	: 11365 : NUR RASYIDAH IZZATI BINTI KAMARUZAMAN - 910617075698	No Akaun Peminjam	: 11367 : NOR FATIHAH BT MOHD SABRI - 910624075602	No Akaun Peminjam	: 1256-R JALAN PAYA TERUBONG, 11600 AYER ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 1	: NOR AINUN BINTI RAZAK - 800427075462 NO.95 MK 13, PADANG MENORA 13310 TASEK GELUGOR, SEBERANG PERAI UTARA	Penjamin 1	: MOHAMAD RUZI BIN SURADI - 720707085753 NO. 1 LORONG 9, TAMAN GUAR PERAHU, 14400 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: MOHD SABRI BIN OSMAN - 620905075531	Penjamin 1	: 11368 : NUR ADIRA BINTI ABDUL AZIZ - 901126075066 NO.168 LORONG PERDANA 2/9, BANDAR PERDANA 08000
Penjamin 2	: NOR IN BINTI RAZAK - 760821075598 NO.95 MK 13, PADANG MENORA 13310 TASEK GELUGOR, SEBERANG PERAI UTARA	Penjamin 2	: MOHAMAD NASSER BIN ISMAIL - 730904075617 12 GERBANG SUNGAI ARA 5, TAMAN PAGAR BULUH, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG	Penjamin 2	: BASERI BIN ISMAIL - 63011025881 3-G-42 SRI DELIMA, LINTANG BAYAN 8, SUNGAI ARA, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG	Penjamin 2	: 1256-R JALAN PAYA TERUBONG, 11600 AYER ITAM, PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 11063 : NURHAFSAH BINTI MOHAMAD IBRAHIM - 891220075250 G-1-38 DESA PERMAI INDAH, LORONG HELANG 3, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11075 : TEH NAJUHANIE BT MUHAMMAD TERMIZI - 88012355346 7, LORONG MURNI 26, TAMAN DESA MURNI 13800 SUNGAI DUA, BUTTERWORTH	No Akaun Peminjam	: 11436 : KRISHNAN A/L TAMILARASAN - 840627075623	No Akaun Peminjam	: 11497 : MOHD ASMAWI BIN AHMAD - 740321075585 NO. 61, JALAN F4, TAMAN MELAWATI 53100 KUALA LUMPUR
Penjamin 1	: MOHAMAD IBRAHIM BIN MASTAN - 620820075057 G-1-38 LORONG HELANG 3, DESA PERMAI INDAH, GELUGOR 11700 PULAU PINANG	Penjamin 1	: JAMALUDIN BIN OTHMAN - RF94939 BLOK F1-2-4 JALAN JAMBU LAUT, KUARTERS POLIS IPD SEB PERAI UTARA 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 1	: TAMILARASAN A/L LOGAN - 560421025181 568 JALAN MAHSURI 6/A, TAMAN MAHSURI, PADANG SERAI 09400 KEDAH	Penjamin 1	: NORASHIKIN BINTI MOHYEE - 760806016020 NO. 61 JALAN F4, TAMAN MELAWATI, 53100 KUALA LUMPUR
Penjamin 2	: MOHAMAD HARIS BIN M S IBRAHIM - 760101075813 3-6-3 PRIMA VIEW, LEBUH NIPAH 1, SUNGAI NIBONG, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG	Penjamin 2	: SALEH BIN RAMLI - RF104235 BLOK G3-1-3 PERUMAHAN POLIS, IPD SEBERANG PERAI UTARA 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 2	: VELAVAN A/L MARIMUTHU - 850424085505 3B-05-16 BJ COURT, JALAN RUMBIA, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG	Penjamin 2	: ASLEEZA BINTI AHMAD - 780706075638 NO. 1545 JALAN BPJ 2/29, BANDAR PUTERI JAYA 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
No Akaun Peminjam	: 11451 : SYARIFAH NOOR ANIMAH BINTI SYED SHAARI - 910414075348 NO. 75 JALAN ORKID PERMAI, TAMAN ORKID PERMAI 13200 KEPALA BATAS, SPU	No Akaun Peminjam	: 11555 : DEEBAN RAAJ A/L VALIATHAM - 871118075213 33 LORONG DAMAI 4, TAMAN PERMATA 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 11497 : MOHD ASMAWI BIN AHMAD - 740321075585 NO. 61, JALAN F4, TAMAN MELAWATI 53100 KUALA LUMPUR		
Penjamin 1	: RAMNAH BINTI AHMAD - 560531095092 NO.19 JALAN LAHAT, 10450 GEORGETOWN, PULAU PINANG	Penjamin 1	: PRABAGARAN A/L VASUDEVEAN - 790827075473 NO. 713 JALAN 5 TAMAN SELASIH, KULIM 09000 KEDAH	Penjamin 1	: NORASHIKIN BINTI MOHYEE - 760806016020 NO. 61 JALAN F4, TAMAN MELAWATI, 53100 KUALA LUMPUR		
Penjamin 2	: SYED MOHD AZRIE IZANIE BIN SYED SHAARI - 841217086439 A-3-13 PANGSAPURI LANGKASA INDAH, TAMAN ANGKASA INDAH, KAJANG 43000 SELANGOR	Penjamin 2	: MUNISWARAN A/L ARUMUGAM - 841004075859 BLOK 970-1C JKR QUARTERS, JALAN AIR ITAM, AIR ITAM 11500 PULAU PINANG	Penjamin 2	: ASLEEZA BINTI AHMAD - 780706075638 NO. 1545 JALAN BPJ 2/29, BANDAR PUTERI JAYA 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH		

# Google AdWords kini dalam Bahasa Melayu

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**PULAU TIKUS** – Platform pengiklanan berbayar dalam talian *Google* dikenali sebagai *Adwords* kini boleh didapati menggunakan kata kunci Bahasa Melayu, memandangkan 40 juta adalah penutur asal bahasa berkenaan.

Ketua Pemasaran *Google* Malaysia, Matthew Zaheen memberitahu, itu tidak termasuk lebih 220 juta penduduk dunia yang turut menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar.

Justeru, katanya, langkah terbaru *Google* tersebut adalah selari dengan realiti lebih 60 peratus populasi warganegara yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar.

“*AdWords* dalam Bahasa Melayu boleh membantu meluaskan lagi capaian perniagaan dalam kalangan mereka (pelanggan) yang selesa menggunakan bahasa penghantar tersebut di dalam talian,” jelasnya kepada wartawan di sini baru-baru ini.

Dianggarkan, terdapat 700,000

perniagaan kecil dan sederhana di Malaysia, tetapi, kira-kira 15 peratus sahaja yang berada dalam talian mungkin harian.

Pun begitu, menurut Zaheen, hampir 20 juta daripada keseluruhan 29 juta rakyat Malaysia adalah pengguna internet.

Ditambah dengan lebih 35 peratus penembusan telefon pintar kini, jelas beliau, terdapat potensi yang hebat bagi perniagaan yang bertindak bagi menangani jurang ini.

“Salah satu motivasi utama untuk kami (*Google*) menjadikan *AdWords* boleh didapati dalam Bahasa Melayu adalah bagi membantu perniagaan kecil dan sederhana mengembangkan capaian dan menjadikan ia lebih mudah dicari melalui pengiklanan dalam talian.

“Kami berharap lebih banyak perniagaan kecil dan sederhana datang ke dalam talian dan memasarkan perniagaan masing-masing di sini (dalam talian),” tambah Zaheen.

Info lanjut mengenai *AdWords*, layari [google.com.my/adwords](http://google.com.my/adwords).



**MATTHEW Zaheen** (kanan) menunjukkan platform pengiklanan berbayar dalam talian *Google, Adwords* pada sesi fotografi selepas peluncurannya di sini baru-baru ini.



**PERBADANAN  
SETIAUSAHA  
KERAJAAN NEGERI  
PULAU PINANG (SSI)**

## PERMINTAAN UNTUK CADANGAN

Tawaran ini dibuka kepada Pembida yang terdiri daripada syarikat tempatan untuk menyertai Permintaan untuk Cadangan (Request For Proposal - RFP) seperti berikut:-

TAJUK

**CADANGAN PEMBANGUNAN DAN  
PENGURUSAN AGRO - PELANCONGAN  
PULAU PINANG DI ATAS TANAH SSI DI  
LOT 311 DAN 498, MUKIM 19,  
DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH,  
PULAU PINANG, MALAYSIA**

TARIKH DIBUKA : 15 MEI 2014

TARIKH DITUTUP : 15 OGOS 2014

Dokumen RFP tersebut boleh dimuat turun melalui Laman Sesawang Kerajaan Negeri Pulau Pinang di <http://www.penang.gov.my/> mulai **15 Mei 2014**.

Cadangan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul bertutup yang ditulis di bahagian sudut atas kanan **Cadangan Pembangunan Dan Pengurusan Agro – Pelancongan Pulau Pinang Di Atas Tanah SSI Di Lot 311 Dan 498, Mukim 19, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang, Malaysia**. Cadangan lengkap tersebut hendaklah dihantar sebelum **12.00 tengah hari** pada **15 Ogos 2014** kepada :

Sekretariat,

**Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (SSI),  
Tingkat 47, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang, Malaysia.**

Cadangan yang diterima selepas tarikh tutup tidak akan dilayan. Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran tertinggi.

**PINJAMAN PENDIDIKAN  
KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG  
SESI 2014 / 2015**

Permohonan boleh dibuat melalui online mulai 2 Mei 2014 hingga 31 Julai 2014

<http://epp.penang.gov.my>

Sebarang pertanyaan sila hubungi :

Unit Pinjaman Perseuratan  
Bahanjar Khidmat Pengurusan  
Pejabot Setiausaha Kerajaan  
Negeri Pulau Pinang  
Tingkat 29, KOMTAR  
10503 PULAU PINANG  
Tel : 04-6506541 / 6186 / 5392 / 6569 / 6527  
Faks : 04-2613453

Pinjaman Pendidikan Kerajaan Negeri Pulau Pinang diwujudkan pada tahun 1970 bertujuan untuk memberi pinjaman pendidikan tinggi kepada warganegara Malaysia yang lahir atau menerima sebahagian daripada pelajaran mereka di Pulau Pinang.

Sijil      Diploma      Ijazah Sains      Ijazah Sastera      Sarjana      PhD

# Kreativiti pelajar hasil model kediaman hijau

Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF

**GEORGE TOWN** - Bagi mencabar kreativiti diri dalam penghasilan idea-idea alam sekitar yang mampan, sebanyak 19 sekolah dari lima daerah di negeri ini berjaya memasuki pertandingan Model Kediaman Hijau 2014 anjuran syarikat pembuatan berdasarkan elektronik, Penang Seagate Industries (M) Sdn. Bhd. (Seagate) di sini baru-baru ini.

Pertandingan yang julung kali diadakan tersebut adalah berkoncepkan kreativiti pelajar dalam mengadaptasi teori-teori pembelajaran sekolah kepada idea-idea alam sekitar yang lebih praktikal dalam kehidupan seharian.

Naib Presiden Seagate, Tan Leong Hooi berkata, pertandingan tersebut adalah bertujuan mencabar minda pelajar bagi mencapai keseimbangan sempurna di antara teknologi dan alam sekitar.

"Kita hidup di dalam teknologi yang sedang membangun, namun, itu tidak bermakna kesedaran alam sekitar perlu diketepikan.

"Sebaliknya, idea serta kreativiti teknologi baru diperlukan agar pembangunan dan alam sekitar dapat dilestarikan bersama dalam pembangunan sejagat.

"Dengan adanya pertandingan seumpamanya, kita dapat semarakkan semangat belia dan merangsang minat mereka dalam mencari lebih banyak alternatif hijau untuk mengubahbaik dunia," ujarnya pada penganjuran pertandingan Model Kediaman Hijau 2014 di sini baru-baru ini.

Hadir merasmikan majlis, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow.

Model pameran berkonsepkan Eco City



CHOW Kon Yeow (dua dari kiri) bersama guru-guru dan ahli-ahli pasukan SMK Dato' Onn, Butterworth menunjukkan tanda bagus selepas muncul juara dalam pertandingan Model Kediaman Hijau 2014 anjuran Seagate di sini baru-baru ini.

dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dato' Onn, Butterworth, Seberang Perai Utara (SPU) dipilih sebagai juara pertandingan. Kemenangan tersebut membolehkan pasukan tersebut membawa pulang wang tunai berjumlah RM5,000 dan trofi.

Tempat kedua adalah milik pasukan dari Chung Ling High School melalui model Azalea Park (RM4,000) dan ketiga (SMK Seri Nibong, Converse Park, RM3,000).

Dalam pada itu, Kon Yeow menyatakan bahawa beliau turut sependapat bahawa lonjakan pembangunan yang semakin membangun kini bukan alasan untuk mengenepikan isu-isu alam sekitar, sebaliknya perlu lebih bersaing ke arah pemuliharaannya.

"Alam sekitar adalah tanggungjawab setiap orang, hanya melalui usaha bersepakut semua pihak sahaja kita dapat mencapai matlamat melestarikan kehijauan bumi ini," ujar beliau.

## Beramal dalam Larian Warna-warni P. Pinang



ZAIRIL Khir Johari (tengah) bersama-sama barisan pengajur pada sidang media Larian Warna-warni Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

**LARI & BERAMAL ...** Larian Warna-warni Pulau Pinang yang julung kali diadakan di sini bertujuan mewujudkan kesedaran dalam kalangan masyarakat mengenai erti kata penderaan dan budaya beramal.

Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari berkata, penganjuran tersebut adalah membabitkan larian meliputi jarak lima kilometer (km) pada 7 Disember ini.

"Program tersebut adalah anjuran pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Caring Home Centre dan Persatuan Mencegah Mangsa Dera.

"Sebahagian kutipan daripada penganjuran program ini akan disalurkan

kepada kedua-dua pertubuhan berkenaan," katanya pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Acara tersebut bakal bermula di Padang Polo dan para peserta perlu berlari melalui Jalan Sepoy Line menuju ke Taman Perbandaran sebelum berpatah balik di lokasi permulaan.

Yuran penyertaan adalah bernilai RM50 yang juga melayakkkan seseorang peserta menyertai acara cabutan bertuah dengan tawaran hadiah menarik seperti basikal bukit dan basikal lipat.

Pendaftaran boleh dibuat terus secara talian di [www.mysport2u.com.my](http://www.mysport2u.com.my) atau hubungi 016 - 405 2972.

## Usaha sia-sia jika rakyat tidak ubah sikap sayang sungai

Oleh: WATAWA NATAF ZULKIFLI

**GEORGE TOWN** - Kontrak pembersihan Sungai Pinang di sini melibatkan perjanjian bernilai RM5.8 juta selama tiga tahun akan menjadi sia-sia sekiranya penduduk Pulau Pinang tidak mengubah sikap menyayangi sungai-sungai yang terdapat di negeri ini.

Kenyataan tersebut dinyatakan Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow bagi mengulas penawaran kontrak pembersihan sungai kepada syarikat industri air, iQPR Sdn. Bhd. (iQPR) di sini baru-baru ini.

Melalui perjanjian tersebut, iQPR berperanan membersih dan memulihkan kualiti Sungai Pinang dan jajarannya dari tahap empat iaitu tercemar teruk pada skala pencemaran kepada tahap dua (bersih).

Menurut Kon Yeow, selain masalah pencemaran yang sudah terlalu lama berlaku, pembersihan Sungai Pinang bukanlah satu tugas mudah memandangkan jaringannya adalah sejauh 3.6 kilometer tidak termasuk jajaran yang masuk ke sungai tersebut.



SALAH seorang kakitangan bertugas menjalankan demonstrasi uji kaji di makmal iQPR di sini baru-baru ini.

"Ditambah juga dengan beberapa faktor lain seperti penyaluran terus sisa pencemaran ke dalam sungai dan sikap penduduk Pulau Pinang yang dilihat perlu diubah," ujarnya ketika mengadakan lawatan ke makmal iQPR di sini baru-baru ini.



CHOW Kon Yeow (kanan) ditemani seorang kakitangan iQPR meneliti proses penukaran sifat segelas cecair di makmal syarikat berkenaan.

di beberapa kawasan Sungai Pinang seperti di bahagian belakang Stadium Bandaraya yang mana kini sudah kelihatan sedikit jernih.

Pada sesi lawatan tersebut, kakitangan iQPR turut menunjukkan beberapa demonstrasi menukar beberapa sifat air (cecair) secara proses dalam makmal iQPR kepekatan dan rasa.

Tambah Kon Yeow, sejak 2010 hingga 2013, bagi setiap tiga bulan pertama, iQPR akan menjalankan proses rawatan tersebut secara percubaan dan kesannya mulai dikesan

# PWM raikan penghuni rumah kebajikan

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**TANJUNG BUNGA** – Seramai 100 kanak-kanak dan 50 ibu-ibu dan bapa-bapa tunggal dari enam rumah kebajikan terpilih diraikan dalam satu Jamuan Teh Hari Keluarga anjuran Pertubuhan Wanita Mutiara (PWM) Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Enam buah rumah kebajikan terpilih adalah *House of Hope*, Persatuan Ibu Tunggal Pulau Pinang, Rumah Seri Cahaya, *Women's Centre for Change*, Pusat Perkhidmatan Wanita dan *Spastic Children of Penang* (Spastic).

Pengerusi PWM, Betty Chew Gek Cheng yang juga isteri kepada Ketua

Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, penganjuran jamuan yang julung kali diadakan berkenaan adalah bagi menceeriakan penghuni rumah-rumah kebajikan terpilih dan meraikan ibu-ibu serta bapa-bapa tunggal yang selama ini bertungku-lumus memastikan kelangsungan hidup.

“Penganjuran acara sebegini juga membolehkan ibu-ibu atau bapa-bapa tunggal untuk bersama-sama anak masing-masing berhimpun sambil bersuka ria, menikmati makan dan berlibur bersama.

“Saya percaya, melalui acara ini juga kita dapat mengeratkan hubungan sesama penghuni rumah-rumah kebajikan dan

antara ibu bapa dan anak-anak.

“Kami(PWM) faham bahawa tanggungjawab serta pengorbanan yang tinggi tidak mampu dibalas dengan wang ringgit, oleh itu, acara ini merupakan ‘hadih kecil’ untuk mereka,” katanya pada Majlis Pelancaran Jamuan Teh Hari Keluarga di sini baru-baru ini.

Selain jamuan, turut diadakan adalah acara cabutan bertuah, tarian, ‘ballon twisting’, ‘face painting’ dan ‘photo shoot’.

Sebagai rekod, keanggotaan PWM terdiri daripada isteri-isteri kepada Ahli-ahli Parlimen atau Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Pinang.



BETTY Chew Gek Cheng (kiri sekali) menyampaikan hadiah kepada salah seorang pemenang cabutan bertuah pada Jamuan Teh Hari Keluarga di sini baru-baru ini.

## Skuasy remaja beraksi cemerlang, tempa tiket ke England



SEBAHAGIAN pemenang Kejohanan Skuasy Terbuka Remaja Malaysia 2014 yang berlangsung di Pusat Skuasy Antarabangsa Nicol David di sini baru-baru ini.

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN** – Pemain yang beraksi cemerlang pada Penganjuran Kejohanan Skuasy Terbuka Remaja Malaysia 2014 bermula 7 hingga 12 Jun lalu secara automatik menempa tiket ke Kejohanan Terbuka Junior British di Sheffield, England pada Januari 2015.

Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti, Chong Eng berkata, kejohanan tersebut merupakan platform dan ruang buat para pemain remaja skuasy tempatan beraksi.

“Ini merupakan salah satu peluang dan platform buat para pemain muda tempatan mempamerkan aksi bersama-sama pemain di peringkat antarabangsa.

“Malah, kejohanan ini adalah peluang untuk mereka menempa tiket ke peringkat lebih tinggi bertaraf antarabangsa,” ujarnya pada Majlis Penyampaian Hadiah di Pusat Skuasy

Antarabangsa Nicol David di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengurus Perhubungan Korporat Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBA), K.Jeyabalan dan Ketua Yayasan CIMB, Iqbal Abdul Rahim.

Pemain tempatan mempamerkan aksi ampuh apabila merangkul lapan daripada 10 judul kejohanan meninggalkan dua pemain antarabangsa iaitu Ling To Yu dari Singapura (kategori Lelaki Bawah 17 Tahun) dan Ho Tsz Lok, Hong Kong (Perempuan Bawah 19 Tahun).

Sebanyak 10 kategori dipertandingkan iaitu Kanak-kanak Lelaki dan Perempuan Bawah 11 Tahun, Bawah 13 Tahun, Bawah 15 Tahun, Bawah 17 Tahun dan Bawah 19 Tahun.

Semua pemain yang bakal beraksi di Sheffield, England dari 2 hingga 6 Januari tahun hadapan akan ditaja di bawah program *Incentive to British Junior Open 2015* oleh Yayasan CIMB.

## Pulau Pinang transit konvoi Ferrari



ANTARA kereta mewah jenama Ferrari yang turut serta dalam konvoi ke Krabi, Thailand baru-baru ini.

**MENGUJAKAN...** Sebanyak 32 kereta mewah jenama Ferrari yang dalam perjalanan ke Krabi, Thailand memilih Pulau Pinang sebagai lokasi persinggahan satu malam baru-baru ini.

Presiden Persatuan Pemilik Kereta Ferrari dari Singapura, Eddy Kheng memberitahu bahawa pihaknya memilih Pulau Pinang ekoran negeri ini merupakan destinasi pelancongan menarik di samping turut menyajikan kepelbagai makanan yang enak dan lazat.

Konvoi dan percutian merangkumi jarak perjalanan 2,500 kilometer (pergi dan balik) tersebut mengambil tempoh masa selama satu minggu.

Hadir melepaskan delegasi tersebut untuk meneruskan perjalanan selanjutnya adalah Exco Pembangunan Pelancongan, Law Heng Kiang.

Oleh: YAP LEE YING  
Gambar: IDZHAM AHMAD &  
ALBUM

**DENGAN** harga jualan RM1, tidak banyak yang kita dapat diperoleh kini. Sama dengan makanan, harga tersebut hanya sekadar untuk nasi putih dan lauk sayur sahaja.

Namun, di Teluk Bahang, anda masih dapat memperoleh nasi lemak berinti lengkap dengan sambal tumis, ikan bilis, telur dan nasi ‘bersaiz besar’.

Banyak!! Sedapp....

Itulah luahan penulis apabila melihat serta merasai sendiri nasi lemak ala *youtube* Muhamad Shaher Mat, 31, atau lebih dikenali sebagai Shah pada sesi wawancara baru-baru ini.

Uniknya, nasi lemak anak muda tempatan tersebut bukan sahaja murah, malah, dapat bertahan sehingga jam 1 pagi keesokannya.

Shah yang pemalu orangnya menyatakan bahawa resipi nasi lemak beliau adalah daripada *youtube*.

Sebelum ini, Shah tidak pernah ke dapur. Malah, pembabitan beliau dalam perniagaan tersebut adalah ekoran tergerak hati (niat) untuk bersedekah kepada pelajar-pelajar sekolah agama di Teluk Bahang.

“Saya nampak ada orang bersedekah kepada sekolah agama di sini.

“Dari situ, wujud niat untuk berbuat demikian. Justeru, saya melayari laman *youtube* untuk mendapatkan resipi masakan tersebut (nasi lemak),” katanya kepada Buletin Mutiara.

# Nasi lemak ala *youtube* Shah murah & sedap




MENUNJUKKAN teknik pembungkusan nasi lemak.



PERSEDIAAN terakhir sebelum membungkus nasi lemak.



NASI Lemak yang siap dibungkus.



MUHAMAD Shaher Mat atau Shah.

turut memperuntukkan komitmen masa yang panjang.

“Setiap hari, saya bangun seawal 2 pagi. Masak kuah perlukan empat jam. Balut 400 bungkus nasi lemak selama tiga jam dan periuk nasi saya hanya cukup untuk 90 bungkus sahaja.

“Justeru, untuk 400 bungkus, saya perlu kukus nasi beberapa kali baru boleh siap semua,” ujar beliau yang turut tidak menafikan bahawa kos barang bekalan untuk pembuatan nasi lemak seperti beras dan ikan bilis kian meningkat kini.

Bagi perancangan masa depan, Shah yang tidak bercadang menaikkan harga nasi lemaknya menyatakan bahawa beliau berhasrat untuk mempelbagaikan lagi produk jualannya seperti nasi dagang, nasi kerabu dan lain-lain.

“Yang pasti, resipi ini adalah dari *youtube*,” katanya yang telah dua tahun berkecimpung dalam bidang jahitan mengikut jejak ibunya.

INFO :  
012 – 479 4847



JUBAH dan baju-baju kurung yang dihasilkan.

Bermula dari situ, ada pihak yang membuat tempahan dan lama-kelamaan ia menjadi perniagaan dan pendapatannya sekeluarga.

Kini, setiap minggu, secara purata, sejumlah 800 bungkus nasi lemak dapat dijual termasuk tempahan daripada pejabat-pejabat korporat di Teluk Bahang dan juga Balik Pulau.

Ketika diminta mengulas lanjut mengenai rahsia nasi lemak keluarannya yang dapat bertahan hingga keesokan harinya, Shah menjelaskan bahawa ia adalah hasil perkongsian resipi daripada orang-orang lama dikenali beliau.

“Percubaan pertama selepas melayari laman *youtube* memang menjadi, namun, ia (nasi lemak) tak tahan lama. Mudah jadi basi.

“Selepas itu, saya tanya orang-orang tua dan alhamdulillah, mereka sanggup berkongsi rahsia tersebut,” katanya yang dikurniakan tiga cahaya mata yang masing-masing berusia lapan tahun, empat tahun dan sembilan bulan.

Mengulas lanjut, Shah turut menyatakan bahawa teknik pembungkusan nasi lemak juga amat mencabar bagi dirinya.

‘Saya mengambil tempoh masa dua bulan untuk betul-betul

memahiri teknik pembungkusan nasi lemak.

“Pada peringkat permulaan, saya bungkus nasi lemak jadi macam bee hun (tidak muncung dan berbentuk tiga segi).

“Saya kemudian rujuk pada *youtube*, tapi tak jadi juga. Selepas itu, saya beli nasi lemak di kedai sebagai contoh,” jelasnya sambil tersenyum.

Shah yang turut memiliki kemahiran dalam bidang jahitan memberitahu bahawa perniagaan nasi lemak yang dijalankannya

# “Cabaran masa kini tuntut ijtihad di lapangan” – Dr. Wan Salim

**ISU** pesakit *cerebral palsy*, Muhammad Firdaus Dullah, 15, yang dijumpai terabai sendirian di rumahnya dekat Seremban, Negeri Sembilan baru-baru ini telah menerima reaksi cukup sentimental daripada banyak pihak.

Institusi Islam turut dipersalahkan kerana bantuan zakat dikatakan tidak sampai kepada orang kurang upaya (OKU) seumpama beliau,implisitnya, Islam sebagai “rahmat seluruh alam” dipersoal oleh segelintir pihak hingga kini.

Di sebalik semua ini, adakah institusi agama sudah hilang deria kemanusiaan, ataupun, ada sebab lain yang masih belum diperjelaskan?

Meluaskan (*tawasus*) maksud asnaf zakat kepada OKU seumpama Muhammad Firdaus merupakan antara syor yang disebut-sebut di laman sosial Facebook serta blog.

Apa agaknya *isyhad hukm* atau pendapat Mufti baru bagi Kerajaan Negeri, Sohibus Samahah Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor, 70, semasa ditemubual oleh wartawan Buletin Mutiara (BM), **ZAINULFAQAR YAACOB** nanti?

“Fatwa adalah pendirian yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa serta diwartakan, yang saya nak sebut ini adalah *isyhad hukm*, iaitu pendapat peribadi yang tidak sampai (status) fatwa.

“Memang ada kaedah fiqh seperti ‘Perubahan Hukum Disebabkan Perubahan Masa, Tempat dan Kondisi’ (*taghaiyyirul ahkam bi taghaiyyirul azmanah wal amkanah wal ahwal*).

“Kerana itu, saya sendiri lihat ijtihad diperlukan kerana isu OKU ini merupakan salah satu contoh bahawa cabaran umat Islam ini sendiri senantiasa berubah-ubah.

“(Disebabkan itu,) keluarga OKU itu layak untuk dipertimbang menerima zakat di bawah asnaf *Al-Fuqara*’ (fakir) dan *Al-Masakin* (miskin).

“OKU seperti Muhammad Firdaus jika ada di negeri ini, layak untuk dipertimbang menerima zakat di bawah asnaf *Fisabilillah* atas sebab keperluannya berusaha untuk belajar hidup, walaupun usaha meninggikan agama itu untuk dirinya saja.

“Sebagaimana ulama memperluaskan konsep *Fisabilillah* bagi merangkumi setiap usaha kebaikan yang boleh mendekatkan seseorang kepada Allah SWT.

“Cabaran masa kini memang banyak, sebab itu, ada tuntutan ijtihad di lapangan (*Al-Ijtihad*.

*Al-Tanzili*,” ujar Wan Salim di pejabatnya dekat Komtar, baru-baru ini.

Hampir 40 tahun, Wan Salim bergelar ahli akademik, mendidik mahasiswa khusus dalam disiplin ilmu pengajian Islam.

Beliau pernah menjadi pensyarah di Universiti Islam Antarabangsa (UIAM), Universiti Sains Malaysia (USM), Yayasan Pengajian Islam Nilam Puri (kini dikenali sebagai kampus asasi Islam Universiti Malaya), Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), Universitas Muhammadiyah (dekat Malang, Indonesia).

Beliau pernah menjadi pensyarah pelawat di *Chubu University*, Nagoya, Jepun.

Difahamkan, Wan Salim adalah pemegang ijazah kedoktoran falsafah (Ph.D) dari *University of Edinburgh*, United Kingdom pada 1988, dengan tesisnya mengenai sumbangan pembaharu ijtihad serta pengamalannya di abad ke-20.

Beliau mendapat Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana dalam bidang Usuluddin dari Universiti Al-Azhar, Mesir.

Beliau turut mempunyai diploma pendidikan dari University Ayn Al-Shams, Kaherah, Mesir.

Pengalaman serta latar belakang pendidikan sudah pasti melayakkan Wan Salim dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang (2004 – Jun 2014).

Pada 7 Jun lepas, Wan Salim dilantik menjadi Mufti Negeri serta mempengerusikan

Jawatankuasa Fatwa Negeri, bagi menggantikan Sohibus Samahah Datuk Seri Hassan Ahmad yang berkhidmat selama 16 tahun sejak 2 September 1997 di negeri ini.

## Ijtihad Pentadbiran

Menurut Wan Salim, Zakat Pulau Pinang (ZPP) merupakan antara contoh yang baik pri-

penting ijtihad pada institusi pengurusan hal ehwal agama Islam.

“MAINPP (Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang) sebagai pemegang amanah melakukan ijtihad dengan menubuhkan ZPP (beroperasi secara syarikat profesional) untuk urus dan agih zakat kepada lapan asnaf, tujuan zakat di antaranya hapus kemiskinan.

“Tidak salah sekiranya (ZPP) ada mengutamakan agihan zakat (pendidikan) kepada anak-anak dari keluarga miskin-fakir umpamanya kerana ijtihad sebegitu lebih berdaya saing untuk mengubah generasi tersebut, daripada menjadi golongan penerima zakat kepada golongan pemberi zakat,” jelasnya sambil membahaskan pada ayat 60 Surah Al-Taubah.

Lapan asnaf tersebut, *Al-Fuqara*, *Al-Masakin*, *Amil* (pemungut dan pengagih zakat), *Muallaf* (mereka yang baru memeluk Islam), *Riqab* (hamba yang dibelenggu atau tiada kebebasan diri), *Ghamirin* (orang Islam yang tidak mampu melangsungkan hutangnya),

*Fisabilillah* (pelajar serta orang yang berusaha melakukan aktiviti meninggikan Islam), dan *Ibnus Sabil* (musafir yang terputus sumber hidup).

Justeru, beliau mencadangkan MAINPP menubuhkan sebuah badan khusus secara profesional seumpama ZPP untuk mengurus serta mengayakan manfaat daripada hartaanah wakaf wakaf dan Baitul Mal di negeri ini.

## Ijtihad Pendidikan

Menurut Wan Salim, integrasi pendidikan hafalan al-Quran dengan akademik di Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB) merupakan percubaan yang baik untuk menghakis dualisme Islam-Sains.

“Maksud dualisme di sini umpsamanya, kita mahu anak-anak menjadi *hafiz* (penghafal al-Quran) sahaja, padahal pengajaran Sains itu juga amat diperlukan sebab ia adalah mengkaji *Sunnatullah*, yang dikenali di Barat sebagai *Natural Law*,” ujar beliau.

Tambahnya, KITAB boleh menjadi hab pendidikan integrasi ilmu Islam-Sains di negeri ini dengan menyusun semula tenaga pengajar yang benar-benar layak sahaja di kolej universiti negeri berkenaan, sebagaimana disyor oleh Lembaga Akredisasi Negara (MQA).

“Islamisasi ilmu ini perlu dibuat pada korikulum agar tiada lagi dualisme agama-Sains yang saya lihat ketara di institusi pendidikan Islam, buku teks kita dan latihan pada tenaga pengajar sendiri,” katanya sambil menyebut mengenai beberapa tokoh sarjana Islam yang menguasai ilmu Islam dan sains pada zaman masing-masing.

## Harapan Memartabat Islam

Wan Salim memberitahu, semua pentadbir institusi Islam di negeri ini wajar berdaya saing dengan mengemukakan polisi tadbir urus yang lebih baik, melalui ijtihad di lapangan.

“Mutu KITAB perlu segera dibaiki. Pengalaman cemerlang ZPP pula perlu untuk kita urus hartaanah wakaf di negeri ini pula supaya lebih berdaya saing untuk manfaat umat.

“Fokus bantu anak-anak dari keluarga asnaf kerana pendidikan lebih berdaya saing untuk hapus kemiskinan...agihkan zakat (pendidikan) kepada pelajar aliran Sains juga selain pelajar agama.

“Saya komited untuk bekerjasama dengan semua institusi, khususnya yang menguruskan hal ehwal umat Islam kerana kita semua berkongsi impian yang jelas, iaitu Kerajaan Negeri komited memartabatkan Islam sebagaimana dijamin dalam Perlembagaan,” tegasnya sambil merakamkan penghargaan kepada pentadbiran Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.



**SOHIBUS Samahah Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor** diwawancara wartawan BM dekat pejabatnya di Komtar, George Town baru-baru ini.

# Green Road Sharing Concept ke arah negeri berbasikal

**GEORGE TOWN** — Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) pada Mesyuarat Biasa Majlis yang berlangsung baru-baru ini telah meluluskan cadangan menyediakan rangaian laluan basikal *Green Road Sharing Concept* di Tapak Warisan Dunia George Town di sini baru-baru ini.

Perkara tersebut dinyatakan Ahli Majlisnya merangkap Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Lalulintas MPPP, Mohd. Sabri Osman ketika membentangkan pengesahan minit keputusan jawatankuasa majlis baru-baru ini.

Menurut beliau, projek tersebut bakal menyediakan laluan basikal yang lebih selamat dan lengkap kepada penunggang basikal di

kawasan Tapak Warisan Dunia George Town kelak.

“Dua jenis laluan akan digunakan di tapak cadangan iaitu laluan basikal di atas jalan dengan lorong berasingan dan laluan basikal di atas jalan tanpa lorong berasingan.

“Bagi jalan raya yang mempunyai kelebaran lebih daripada (kelebaran) minimum, laluan basikal dengan lorong berasingan akan diwujudkan.

“Laluan ini akan diwarnakan dengan warna hijau dan ditandakan dengan logo-logo di atasnya dengan kelebaran anggaran empat hingga lima kaki.

“Manakala, bagi jalan raya yang tidak mempunyai kelebaran lebih, logo-logo hanya akan ditandakan di atas jalan raya sedia ada,”

jelasnya selepas tamat Mesyuarat Biasa Majlis di sini baru-baru ini.

Menurut Mohd. Sabri, bagi membantu meningkatkan kesedaran kenderaan bermotor, *road reflector/raised pavement markers* akan dipasang di sepanjang laluan basikal yang mana pemandu kenderaan bermotor perlu peka bahawa laluan hijau hanya dikhaskan kepada penunggang basikal sahaja.

Tambahnya, inisiatif tersebut akan membantu Pulau Pinang untuk selangkah ke hadapan merealisasikan hasratnya menjadi negeri berbasikal di Malaysia kerana ianya telah terbukti berjaya diterima pakai di negara seperti Australia, New York, Taiwan dan Amerika Syarikat.

“Lorong basikal ini



MOHD. Sabri Osman menunjukkan lakaran cadangan laluan basikal *Green Road Sharing Concept* yang bakal diimplementasikan di kawasan Tapak Warisan Dunia George Town selepas tamat Mesyuarat Biasa Majlis di sini baru-baru ini.

menunjukkan pengiktirafan yang mana golongan tersebut turut diberikan keutamaan dan aspek perancangan bandar,” ujar beliau.

## MPPP digesa pantau perniagaan warga asing

Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF

**GEORGE TOWN**— Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) digesa supaya memantau aktiviti perniagaan kelolaan warga asing yang dilihat semakin bertambah seperti ‘cendawan tumbuh selepas hujan’ di sini.

Gesaan tersebut disuarakan Ahli Majlis MPPP, A. Kumaresan ketika ucapan penangguhan Mesyuarat Biasa Majlis di Dewan Bandaran, Padang Kota Lama di sini baru-baru ini.

Beliau berkata, MPPP dengan kerjasama agensi-agensi awam seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Imigresen Malaysia perlu melakukan pemantauan berskala ekoran kebimbangan bahawa lambakan perniagaan berkenaan bakal menjelaskan peluang perniagaan buat rakyat tempatan.

“Saya tidak membantah kewujudan mereka (peniaga asing) untuk bermula di sini (Pulau Pinang), namun, apa yang mencuriga dan dikhuatirkan ialah sekiranya mereka



mengambil kesempatan bermula tanpa melalui prosedur yang betul.

“MPPP selaku pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu memastikan golongan peniaga warga asing ini mempunyai lesen perniagaan yang sah.

“Malah, MPPP juga perlu mengawal proses pemberian lesen kepada mereka agar peniaga-peniaga tempatan tidak terjejas dengan lambakan golongan tersebut,” tegas beliau.

Menurut Kumaresan, antara kawasan tumpuan utama perniagaan dijalankan adalah di sekitar Jalan Gurdwara, Komtar dan Jalan Rumbia, Bukit Jambul.

Tambahnya, tempat perniagaan warga asing tersebut turut dijadikan tempat berkumpul atau ‘port’ perjumpaan beramai-ramai.

“Kegiatan ini bukan sahaja boleh mengundang bahaya kepada masyarakat awam umumnya, tetapi, mengundang rasa kurang selesa kepada pihak lain,” kata beliau.

## YDP perjelas status Uptown Perda

Oleh: ZAINULFAQAR YAACOB

**SEBERANG JAYA** —

Seramai 75 penjaja berlesen asal dibenarkan kekal bermula di tapak jaya sementara Uptown Perda sehingga hujung tahun, manakala, tambahan 205 peniaga lain hanya sempena bulan Ramadan ini sahaja.

Menurut Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Maimunah Mohd. Sharif, ketetapan terbaru itu dibuat selepas mempertimbangkan permohonan daripada pengajur, iaitu Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Simpang Empat.

Bagaimanapun, katanya, pihak berkuasa tempatan (PBT) masih berhasrat untuk menjadikan Jalan Perda Selatan di sini sebagai tapak jaya baru Uptown Perda mulai tahun depan.

“Jumlah penjaja yang dibenarkan, (iaitu) 75 penjaja berlesen dan (205 penjaja lain) sampai ke Restoran Route 69 sebenarnya tidak bertambah, sama jumlahnya seperti tahun lepas.

“Untuk tahun hadapan (2015), kita akan bincangkan semula keputusan sebelum ini bagi menempatkan mereka (peniaga) ke Jalan Perda Selatan,” jelasnya di Kompleks Ibu Pejabat MPSP di sini baru-baru ini.

Beliau berkata demikian selepas mempergerusikan Mesyuarat Penuh Ke-480 Bil.6/2014 MPSP.

Tiga Ahli Majlis bagi MPSP, Tan Cheong Eng,



(Dari kiri), AHMAD Kaswan Kassim, Shaqrony Md Yusoff @ Jamaludin, Sr. Rozali Mohamud, Maimunah Mohd. Sharif, Rezal Huzairi Md. Zaki, Tan Cheong Eng menunjukkan sijil Anugerah Floria President's Award pada sidang media di sini baru-baru ini.

Rezal Huzairi Md. Zaki, Ahmad Kaswan Kassim turut hadir pada sidang media itu.

Hadir sama, Setiausaha bagi MPSP, Sr. Rozali Mohamud dan Shaqrony Md Yusoff @ Jamaludin (Ketua Jabatan Lanskap MPSP).

Maimunah berkata, pengajur Uptown Perda diharap dapat memperbaiki mutu pengurusan supaya isu malar segar seperti kesesakan trafik, penjajaan tanpa izin, kebersihan yang dibangkitkan sejak beberapa tahun lepas tidak lagi berulang kelin.

Ketetapan terbaru itu sekaligus memadam spekulasi pihak tertentu kononnya Uptown Perda yang menjadi salah satu simbol pusat jaya etnik Melayu cuba ditutup oleh PBT.

Dalam perkembangan lain, Maimunah turut memaklumkan bahawa MPSP berjaya mendapat Anugerah Floria President's Award dalam Festival Flora dan Taman Floria Putrajaya 2014 baru-baru ini.

# Pulih semula gerai Teluk Bahang - Rashid

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**TELUK BAHANG** – Pembinaan semula gerai makan Sakina Zaffreel, 54, sesegera mungkin di atas tanah Kerajaan Negeri berhampiran tapak asal premis haram itu diputuskan atas budi bicara pentadbiran Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Selain membuat pengesahan tersebut kepada pihak media, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon berkata, pihaknya akan mengesyorkan kepada Pejabat Tanah Daerah Barat Daya supaya membina pusat penjaja sementara (PPS) di atas tanah sama milik Kerajaan Negeri.

“Tindakan pejabat tanah daerah benar-benar ikut prosedur kerana lima premis ini dibina atas tanah rizab pantai secara salah.

“Memandangkan gerai ini satu-satunya sumber rezeki Puan Sakina (Sakina), satu gerai ini sahaja sah akan dipulih dengan peruntukan RM2,000 daripada Kerajaan Negeri.

“(Manakala,) 10 kiosk itu akan saya cadang untuk dipertimbang pejabat tanah daerah supaya

aktiviti penjaja boleh kekal dijalankan oleh mereka terbabit mengikut peraturan, bukannya secara salah,” jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak di sini baru-baru ini.

Penolong Pegawai Daerah Barat Daya, Abu Hassan Omar serta Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Teluk Bahang, Mohd. Amin Nordin dan anggotanya, Mohd. Ridzuan Zaid turut menyertai Mohd. Rashid melawat lokasi kejadian dekat Pantai Hujung Batu di sini.

Sakina yang ditemui kemudian melahirkan rasa bersyukur atas budi bicara Kerajaan Negeri terhadap beliau sekeluarga.

“Dalam bulan puasa ini (Ramadan), saya akan bekerja di Bazaar Ramadan Batu Feringghi ... macam mana pun saya mesti cari duit untuk sara keluarga dan bayar balik pinjaman TEKUN RM5,000 ikut jadual.

“Walaupun gerai makan saya ini dibina atas tanah rizab pantai, tapi terima kasih banyak-banyak lah atas budi bicara bina balik

(gerai sementara) ini,” ujar Sakina sambil melahirkan rasa sedih dan terharu.

N. Rajeswary, 40, yang ditemui berasingan turut berharap Kerajaan Negeri dapat segera membina PPS supaya beliau sekeluarga pun boleh kembali menjalankan aktiviti perniagaan batik kelak.

“Kalau boleh cadangan membina kiosk ini pun boleh disegerakan juga, sekurang-kurangnya saya dan peniaga lain pun boleh kembali ‘cari makan,’ respons beliau.

Difahamkan, premis perniagaan sementara ini dibina di atas tanah rizab pantai bernombor lot 734 mukim 2 pada sekitar tahun 1989, iaitu semasa Hotel Mutiara dekat sini masih lagi meriah dibuka dan dikunjungi pelancong.

Semasa Hotel Mutiara ditutup sekitar tahun 2005, gerai makan Sakinah sahaja konsisten dibuka tiap-tiap hari, manakala, empat gerai lain jarang beroperasi lagi.

Pejabat tanah daerah direkodkan dua kali memberi notis pengosongan kepada lima ‘premis haram’ tersebut pada tarikh 10



**MOHD. Rashid Hasnon (dua dari kanan)** memberi penjelasan kepada Sakina Zaffreel (dua dari kiri) di lokasi kejadian dekat Pantai Hujung Batu di sini baru-baru ini.

Oktober 2012 dan 9 April lepas atas alasan struktur binaan tidak sah berkenaan didirikan di atas tanah rizab pantai.

Susulan itu, pejabat tanah daerah menguatkuasa undang-undang dengan merobohkan kelima-lima struktur fizikal premis perniagaan tersebut hatta menggamit perhatian banyak pihak, sebelum menerima campur tangan lanjut Mohd. Rashid.



**N. Rajeswary.**

## MPPP naiktaraf kompleks parkir bertingkat Lebuhraya Pantai

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN** – Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Joseph Ng Soon Siang memaklumkan bahawa kawasan parkir di Lebuhraya Pantai kini sudah diambil alih semula pihak berkuasa tempatan (PBT) terbabit selepas dua tahun berada di bawah seliaan pihak swasta.

“Lanjutan itu, bangunan parkir setinggi enam tingkat ini akan dinaiktaraf serba sedikit seperti menambah bilangan papan tanda dari luar bagi membolehkan orang ramai sendarakan kewujudannya dan juga memasang lampu-lampu baru di bahagian dalam,” ujarnya pada sidang media di lokasi di sini baru-baru ini.

Tambah beliau, MPPP menyediakan 203 lot parkir berkenaan turut mempelawa umum yang bekerja di sekitar Lebuhraya Pantai di sini atau yang berurusan di kawasan sekitar dapat menggunakan sepenuhnya kemudahan (kompleks letak kereta) tersebut dan elakkan daripada



**JOSEPH Ng Soon Siang** menunjukkan maklumat pengoperasian dan caj kompleks parkir enam tingkat Lebuhraya Pantai di bawah seliaan MPPP pada sidang media di sini baru-baru ini.



**KOMPLEKS** parkir enam tingkat Lebuhraya Pantai seliaan MPPP.

meletak kenderaan di bahu-bahu jalan sehingga disaman.

“MPPP menyediakan pas bulanan berharga RM150 sebulan bagi mereka yang ingin meletakkan kenderaan di sini.

“Bagi parkir harian, tiada caj dikenakan bagi 30 minit pertama,” jelasnya.

Soon Siang memberitahu, selain kompleks parkir yang memberi kemudahan kepada orang ramai, MPPP juga kini dalam rangka perbincangan untuk mengimplementasikan sistem pembayaran automatik bagi melestarikan penggunaan parkir bertingkat berkenaan.

## Kuatkuasa kadar baru sewa pasar awam, kompleks jaja 1 Sept.

**SEBERANG JAYA** – Majlis

Perbandaran Seberang Perai (MPSP) menguatkuasa kadar baru sewa gerai di 65 kompleks makanan dan 28 pasar awam mulai 1 September ini memandangkan jumlah kutipan kini sebenarnya tidak cukup untuk menampung kos operasi dan sewaan berwajib.

Yang di-Pertua Negeri, Maimunah Mohd. Sharif bagaimanapun berkata, kadar sewa baru itu masih antara terendah berbanding ditetapkan pihak berkuasa tempatan (PBT) lain.

“Contoh untuk gerai tertutup, kadar baru RM6 dari (kadar asal) RM3 sehari, ini pun air dan api kita (MPSP) bayar. Pembersihan dan kerja-kerja baik-pulih pun kita buat berdasarkan aduan penyewa.

“Kadar sewa baru ini ditetapkan berdasarkan kepada jenis jualan, lokasi gerai dan sambutan pelanggan, tidak langsam seperti dulu,” ujarnya pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Turut hadir, tiga Ahli Majlis bagi MPSP, Tan Cheong Eng, Rezal Huzairi Md. Zaki, Ahmad Kaswan Kassim.

Maimunah menjelaskan, jumlah kutipan sewa gerai bagi tahun 2010 adalah sebanyak RM5.1 juta, diikuti, RM3.4 juta (2011), RM3.3 juta (2012) dan RM3.4 juta (2013).

Manakala, jumlah perbelanjaan berwajib pula, katanya, RM2.3 juta bagi tahun 2010, diikuti RM2.2 juta (2011), RM4.7 (2012) dan RM4.4 juta (2013).

“Kutipan bagi tahun 2010 agak tinggi kerana termasuk bayaran tertinggal tahun sebelumnya... (manakala) perbelanjaan meningkat sebab kerja-kerja menaiktaraf pasar serta sebab kos operasi dan utiliti meningkat,” ujar pegawai berwajib MPSP pada sidang media sama.

Cheong Eng pula memberitahu, PBT tidak mampu lagi menangguhkan kos utiliti dan penyelenggaraan disebabkan kesan berantai pada langkah Kerajaan Pusat menaikkan harga tarif elektrik dan sebagainya.

Kadar sewa bulanan lama antara RM30 hingga RM120, berkuatkuasa pada 1 Januari 1992.

Mesyuarat Majlis Penuh pada 23 Mei lepas meluluskan kadar sewaan bulanan baru, antara RM60 hingga RM240.

# ADUN gesa pantau aktiviti paracut haram

Oleh: WATAWA NATAF ZULKIFLI

**AIR ITAM** – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai menggesa pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) supaya segera memantau aktiviti paracut haram di sekitar pantai negeri ini yang sebelum ini telah mencederakan seorang kanak-kanak, Odell Choo, 11.

Menurut Hon Wai, ekoran kejadian tersebut, Odell mengalami kecederaan pada leher, bahu dan siku apabila paracut yang sedang mendarat membidas bahagian lehernya sehingga menyebakkannya terjatuh.

“Kejadian ini berlaku pada musim cuti sekolah yang lalu, mengapa PBT tidak menguatkuasakan aktiviti paracut haram ini?

“Sekiranya berlarutan dan dibiarkan berleluasa, ia mampu menjelaskan industri pelancongan Pulau Pinang, malah, saya akan membawa usul ini untuk dibahaskan pada sidang DUN (Dewan Undangan Negeri) akan datang,” tegasnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Turut hadir, mangsa yang ditemani bapanya, S.W Choo.

Hon Wai memberitahu, Odell agak bernasib baik kerana hanya mengalami luka ringan berbanding kes sebelum ini yang membawa maut.

Sebagai tindakan lanjut, Hon Wai yang juga Setiausaha Politik kepada Y.A.B. Ketua Menteri turut menyatakan bahawa beliau akan menulis surat kepada Bahagian Penasihat Undang-undang Negeri bagi memaklumkan perkara berkaitan.

“Ini adalah bagi memastikan keselamatan



**WONG** Hon Wai menunjukkan kecederaan pada bahagian leher yang dialami Odell Choo pada sidang media di sini baru-baru ini.

orang awam yang sedang bercuti di kawasan seperti ini (pantai) akan lebih terpelihara dan selamat daripada insiden seperti ini,” ujarnya.

Dalam pada itu, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow gagal dihubungi bagi mengulas lanjut kejadian tersebut.

## Kempen ‘Penang Sihat’ galak rakyat jaga kesihatan



**SALAH** seorang pengunjung menjalani pemeriksaan kesihatan pada Program Jelajah Penang Sihat @Pulau Betong di sini baru-baru ini.

Oleh: AINUL WARDAH SOHILLI

**PULAU BETONG** – Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di bawah portfolio Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan melancarkan kempen ‘Penang Sihat’ secara besar-besaran bermula Januari lalu dalam usaha mendidik orang ramai menjaga kesihatan masing-masing.

Exconya, Dr. Afif Bahardin ketika ditemui berkata, kempen itu juga bertujuan membangkitkan kesedaran masyarakat berkaitan bahaya penyakit NCD (*Non-communicable Diseases*) seperti diabetes, Mellitus, hipertensi dan penyakit kardiovaskular.

“Dalam kempen ini, kita akan mewujudkan kesedaran mengenai keperluan menjaga kesihatan, pemeriksaan kesihatan dan amalan berjalan 10,000 langkah sehari.

“Sebagai permulaan, program-program sebegini telahpun dilaksanakan di setiap KADUN (Kawasan Dewan Undangan Negeri) di seluruh Pulau Pinang dan respons daripada rakyat amat memberangsangkan,” katanya sejurus selepas merasmikan Program Jelajah Penang Sihat @ Pulau Betong anjuran bersama Pusat Khidmat Pegawai Penyelaras KADUN (PPK) Pulau Betong dan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang.

Dalam pada itu, PPK Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail berkata, penerimaan dan sambutan daripada masyarakat setempat amat menggalakkan dan akan meneruskan lagi beberapa siri kempen Penang Sihat setiap tiga bulan sekali.

Dalam perkembangan sama, Mohd. Tuah turut menyampaikan sumbangan zakat kepada 40 penerima zakat sempena Ramadan ini.

## Derma darah bantu golongan perlu - ADUN



**DR. T. JAYABALAN** (kiri sekali) beramah-mesra dengan salah seorang penderma pada Kempen Derma Darah di sini baru-baru ini.

**GELUGOR** – Pusat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban dengan kerjasama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Taman Pekaka, Hospital Besar Pulau Pinang (HPP) dan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang baru-baru ini menganjurkan Kempen Derma Darah dalam usaha mengisi tabung darah di negeri ini.

Menurut ADUNnya, Dr. T. Jayabalan, kempen yang dianjurkan berkenaan adalah sebahagian usaha membantu Unit Tabung Darah menambah bekalan bagi menangani kes kecemasan.

“Usaha ini juga bertepatan dengan seruan kerajaan untuk meningkatkan penyertaan golongan muda dalam aktiviti

kemasyarakatan dan sukarelawan.

“Saya percaya menerusi kempen ini, ia dapat meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan menderma darah untuk kesihatan,” katanya ketika ditemui di perkarangan Masjid Taman Pekaka di sini baru-baru ini.

Selaras dengan penganjuran tersebut, Jayabalan juga menyeru seluruh masyarakat khususnya warga Pulau Pinang untuk merutinkan derma darah kerana setik darah mampu menyelamatkan nyawa golongan memerlukan.

Dalam pada itu, beliau turut menyampaikan sumbangan buah kurma kepada penderma dan penduduk yang hadir menjayakan kempen tersebut.

# MP Batu Kawan gesa Putrajaya atasi gejala sosial

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BATU KAWAN** – Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani menggesa Kementerian Belia dan Sukan supaya mencari satu formula berkesan bagi mengatasi masalah gejala sosial yang dipercayai semakin meruncing dalam kalangan anak muda kini.

Gesaan itu dibuat berikutan jawapan menteri berkenaan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar di Parlimen yang mengatakan bahawa kerajaan mempunyai cadangan menggunakan mat rempit sebagai mata dan telinga kepada pihak polis.

“Cadangan tersebut dilihat akan menyebabkan gejala negatif seperti salah guna kuasa yang diberikan lebih berleluasa.

“Kerajaan (Pusat) sepatutnya mencari formula yang lebih efektif dan mendengar keluhan anak muda bagi mengatasi masalah ini,” katanya ketika ditemui pada program *Batu Kawan 201M Drag Battle 2014* anjuran bersama MUSC Motorsports (MUSC) dan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) di perkarangan Stadium Batu Kawan di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Presiden MUSC, Nizam Sazili atau lebih dikenali sebagai Nizam ‘Ahkau’.

Tambah Kasthuriraani, sudah tiba masanya kerajaan (Pusat) mendengar permintaan anak muda dan melihat kepada masalah yang lebih besar.

“Antara punca menyumbang kepada masalah ini adalah ketiadaan peluang pekerjaan yang mencukupi

dan tidak melaksanakan gaji minima secara keseluruhan,” tegasnya.

Mengulas mengenai penganjuran tersebut, Kasthuriraani memberitahu bahawa aktiviti seumpama itu sedikit sebanyak dapat membantu mengurangkan gejala negatif.

“Usaha yang dijalankan MUSC dilihat dapat membendung budaya mat rempit kerana mereka (pengajur) menyediakan trek yang selamat kepada peserta berminal.

“Saya harap pihak kerajaan dapat mempromosikan aktiviti seperti ini dan memberi sokongan kepada MUSC dalam usaha membendung aktiviti negatif anak muda kini,” seru beliau.

Dalam pada itu, menurut Nizam, kira-kira 15,000 peminat sukan bermotor yang hadir pada hari



P. Kasthuriraani (kiri sekali) bergambar kenangan bersama-sama para pemenang bagi Kategori Bawah 2.0CC Pro Street penganjuran Batu Kawan 201M Drag Battle 2014 di sini baru-baru ini.

pertama penganjuran sukan berkenaan.

“Setiap peserta diwajibkan mempunyai lesen memandu yang sah, pengalaman memandu mencukupi dan geran kenderaan sebelum dibenarkan berlumba.

“Ini adalah bagi memastikan

supaya tidak berlakunya gejala negatif dalam sukan bermotor ini dan juga tidak membabitkan barang curi dalam perlumbaan,” jelasnya.

Pemenang bagi setiap kategori membawa pulang trofi, sijil penyertaan dan juga wang tunai.



ONG Chin Wen (dua dari kanan) menyerahkan sumbangan kepada Siti Zainab Mat Radzi (dua dari kiri) sambil diperhatikan Jusni Ismail (tengah) di hadapan kediaman yang musnah dalam kebakaran di sini baru-baru ini.

## Nasib mangsa kebakaran dapat perhatian

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**BUKIT MERTAJAM** – Mangsa kebakaran, Siti Zainab Mat Radzi, 33, dan keluarganya memperoleh perhatian Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tengah, Ong Chin Wen, apabila rumah sewa di Mukim 13, Bukit Minyak di sini musnah dalam kebakaran baru-baru ini.

Ketika ditemui, Chin Wen berkata, bantuan kewangan berjumlah RM3,000 dari Tabung Bencana Tuan Yang Terutama (TYT), Yang diPertua Negeri, telahpun disalurkan kepada mangsa.

“Bagi pihak Kerajaan Negeri, saya sendiri menyerahkan bantuan RM1,000 kepada mangsa baru-baru ini,” katanya kepada Buletin Mutiara di sini.

Hadir sama, Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah, Jusni Ismail.

Menceritakan kejadian tersebut, Chin Wen berkata, ketika kebakaran jam 4 pagi itu, mangsa bersama keluarganya berada di kampung di Sik, Kedah.

“Rumah mereka (mangsa), termasuk perabot dan kelengkapan persekolahan anak-anaknya hangus dijilat api.

“Kerugian dianggarkan berjumlah RM15,000 dan diharap dengan sumbangan ini sedikit-sebanyak dapat meringankan beban keluarga Siti Zainab,” ujar beliau.

Berikut itu, mangsa yang menyewa sejak tiga tahun lalu di kediaman terabit kini terpaksa menumpang di rumah jiran.

## Asnaf ceria terima sumbangan sempena Ramadan



**ABDUL MALIK ABUL KASSIM** (dua dari kiri) menyampaikan sumbangan beras dan hamper kepada salah seorang penerima pada Majlis Penyampaian Sumbangan kepada Masjid, Surau dan Golongan Asnaf DUN Batu Maung di perkarangan Masjid Al-Huda, Sungai Ara di sini baru-baru ini.

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**BATU MAUNG** – Bulan Ramadan disambut dengan penuh rasa syukur dan ceria oleh kira-kira 210 asnaf dari kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Maung di sini yang menerima bantuan barang keperluan harian sempena kedatangan bulan mulia tersebut baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri Batu Maung yang juga merangkap Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim berkata, sumbangan tersebut adalah bagi meringankan beban golongan tersebut untuk sama-sama menikmati keindahan Ramadan.

“Sumbangan yang diberikan adalah besar maknanya buat mereka yang memerlukan (asnaf) untuk sama-sama meraikan kedatangan Ramadan dengan lebih sempurna.

“Mungkin hari ini kita keluarkan zakat

bantu orang yang memerlukan, tahun hadapan mungkin golongan (asnaf) ini pula yang keluarkan zakat dan bantu asnaf yang lainnya.

“Inilah sifat paling mulia dalam Islam untuk kita sama bantu-membantu meringankan beban mereka yang kurang bernasib baik,” ujarnya pada Majlis Penyampaian Sumbangan kepada Masjid, Surau dan Golongan Asnaf DUN Batu Maung di perkarangan Masjid Al-Huda, Sungai Ara di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengurus Kariah Masjid Al-Huda, Sungai Ara, Zainuddin Hanif.

Sebanyak 210 kampit beras dan hamper disumbangkan kepada golongan tersebut oleh Pusat Urus Zakat Pulau Pinang (PUZ).

Pada majlis sama, Abdul Malik turut menyampaikan sumbangan berupa beras, gula dan barang masakan daripada pihaknya kepada 33 buah masjid dan surau di seluruh kawasan DUN Batu Maung.



# Pulau Pinang Cakna Kebajikan Rakyat Program-program EMAS Untuk Semua



**DAFTARLAH  
SEKARANG!!!**  
di pejabat  
**ADUN  
ANDA!**

**Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat & Selamat**

